

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 30 APRIL 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PRESTASI 9 PEMBEKAL BENIH PADI DIPANTAU, UM,4-DLM NEGERI	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	SYARIKAT PEMBEKAL BENIH PADI TIDAK IKUT PIAWAIAN AKAN DIKENAKAN TINDAKAN, UTUSAN ONLINE	
3.	MUKTAMAD AMBIL ALIH NFC DALAM MASA TERDEKAT, HARIAN METRO,27	
4.	TAKEOVER OF NFC PROJECT TO BE FINALISED SOON – SALAHUDDIN, MALAYSIA KINI	
5.	NFC: PENGAMBILAN PROJEK DIMUKTAMADKAN DALAM MASA TERDEKAT – SALAHUDDIN, UTUSAN ONLINE	
6.	AMBIL ALIH PROJEK NFC DIMUKTAMADKAN DALAM MASA TERDEKAT, KOSMO ONLINE	
7.	PENGAMBILAN NFC DIMUKTAMADKAN DALAM MASA TERDEKAT, ASTRO AWANI ONLINE	
8.	PENGAMBILAN NFC DALAM MASA TERDEKAT, UTUSAN ONLINE	
9.	DURIAN MALAYSIA TEMBUSI CHINA, SINAR HARIAN,41 – BISNES	
10.	FGV,PLS TEROKA POTENSI BUKA LADANG DURIAN,BH, 22 – BISNES	
11.	ISU PADI HANTU:NAFAS CADANG SIASAT SEGERA PPK,UM,4 -DLM NEGERI	NAFAS
12.	BENIH PADI BEG PUTIH PENYELAMAT PESAWAH,UM,4 – DALAM NEGERI	JABATAN PERTANIAN
13.	CUBAAN SELUDUP KUCING GAGAL,DALAM NEGERI-UM,MS10	MAQIS
14.	KERAJAAN BANTU USAHAWAN SARANG BURUNG,SH,6-NASIONAL	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
15.	PPK KEDAH BANTAH PINDAAN, TUNTUT HAK,UM,44 – DALAM NEGERI	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
16.	PERTUBUHAN PELADANG KEDAH MOHON CAMPUR TANGAN PM, SINAR HARIAN ONLINE	
17.	LANTIKAN AJP PERTUBUHAN PELADANG BELAKANGKAN DEMOKRASI, BERITA HARIAN ONLINE	
18.	PASFA TOLAK PINDAAN PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG, UTUSAN ONLINE	
19.	'KEMBALIKAN HAK KAMI', UTUSAN ONLINE	
20.	PEMUDA AMANAH KELANTAN GESA PPN TIDAK DIPOLITIKKAN, UTUSAN ONLINE	
21.	30 AHLI PPN KELANTAN SOKONG PINDAAN, UTUSAN ONLINE	
22.	KEMPEN RAMADHAN TANPA PEMBAZIRAN TAHUN INI,U.BORNEO -ONLINE	MARDI
23.	KEMPEN RAMADHAN TANPA PEMBAZIRAN,SH,5 -NASIONAL	
24.	RAMADHAN WITHOUT WASTAGE CAMPAIGN,CHINA PRESS,A10 – NATION	
25.	RAMADHAN WITHOUT CAMPAIGN KICKS OFFS,THE STAR,16 – NATION	
26.	I AM HAPPY TO PLAY THE MIDDLE-PERSON ROLE, SIN CHEW,4 – NATION	
27.	RAMADHAN WITHOUT WASTE CAMPAIGN KICKS OFF,BP (KK),8 -HOME	
28.	KEMPEN RAMADHAN TANPA PEMBAZIRAN, KOSMO ONLINE	FAMA
29.	FAMA SASAR EKSPORT BUAH RM1.8 BILION TAHUN INI, MYMETRO ONLINE	
30.	FAMA SASAR PENINGKATAN LIMA HINGGA 10 PERATUS NILAI EKSPORT BUAH, MALAYSIA KINI	JABATAN PERIKANAN
31.	NELAYAN DEGIL DIGEMPUR, HMETRO ONLINE	
32.	LIMA BOT PUKAT TUNDA BERNILAI RM2 JUTA DIRAMPAS, HMETRO ONLINE	LKIM
33.	ELAUN DIESEL, SARA HIDUP 46 NELAYAN DITAMATKAN, BERITA HARIAN ONLINE	
34.	46 NELAYAN DI PORT DICKSON DIGUGURKAN DARIPADA TERIMA ELAUN SARA HIDUP, UTUSAN ONLINE	
35.	ELAUN 46 NELAYAN DITAMATKAN, MYMETRO ONLINE	
36.	BANTUAN SARA HIDUP 46 NELAYAN NEGERI SEMBILAN DIBATALKAN, MALAYSIA KINI ONLINE	
37.	46 NELAYAN DI PORT DICKSON DIGUGURKAN DARIPADA TERIMA ELAUN SARA HIDUP, UTUSAN ONLINE	LAIN-LAIN
38.	PEMBELAJARAN GALAK GENERASI MUDA CEBURI SEKTOR,BH,5 – PENDIDIKAN	
39.	SUBJEK PERTANIAN DIPERKENAL SEMULA ,SH,6 – NASIONAL	
40.	SUBJEK SAINS PERTANIAN DIPERKENAL SEMULA DI SEKOLAH,BH,5 – PENDIDIKAN	
41.	SAINS PERTANIAN BAKAL DIPERKENALKAN SEMULA DI SEKOLAH – SALAHUDDIN, MALAYSIA KINI	
42.	SAINS PERTANIAN WAJAR DIAJAR SEMULA DI SEKOLAH, BERITA HARIAN ONLINE	
43.	SUBJEK SAINS PERTANIAN DIAJAR SEMULA DI SEKOLAH, UTUSAN ONLINE	
44.	SAINS PERTANIAN BAKAL DIPERKENALKAN SEMULA DI SEKOLAH, KOSMO ONLINE	
45.	SUBJEK SAINS PERTANIAN AKAN DIKEMBALIKAN, SINAR HARIAN ONLINE	
46.	DUA KEMENTERIAN BINCANG HALA TUJU SUBJEK SAINS PERTANIAN, BERITA HARIAN ONLINE	
47.	FGV TANAM DURIAN,UM,1 – UTUSAN BIZ, MS 1 &35	
48.	PORT DICKSON BAKAL JADI LOKASI AKTIVITI SELAM SKUBA, UTUSAN ONLINE	
49.	TEMBIKAI LARIS RAMADAN INI, MYMETRO ONLINE	
50.	TEKUN NASIONAL SEDIA RUANG PASARAN EKSLUSIF UNTUK USAHAWAN PADA RAMADAN, UTUSAN ONLINE	
51.	TANAM MUSANG KING DI FELDA, SINAR HARIAN ONLINE	
52.	HARGA BUAH TIN RM80 SEKILOGAM	

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Prestasi 9 pembekal benih padi dipantau

Oleh MOHD. KHAIRUL MOHD. ALI
pengarang@utusan.com.my

■ PONTIAN 29 APRIL

PRESTASI sembilan syarikat dilantik kerajaan untuk membekalkan benih padi sah kepada petani di negara ini akan dikaji sebelum kontrak mereka disambung tahun depan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pihaknya sudah mengarahkan laporan lengkap dibuat terhadap kesemua sembilan syarikat berkenaan.

Katanya, jika sembilan syarikat itu beroperasi mengikut prosedur ditetapkan, bekalan benih padi sah itu sepatutnya mencukupi.

"Saya sudah arahkan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Datuk Salim Parlan untuk menubuhkan jawatankuasa bertindak bagi mengkaji pres-

tasi syarikat terlibat, sama ada mereka beroperasi mengikut prosedur ditetapkan.

"Rungutan daripada para petani berhubung perkara ini saya ambil maklum dan kita akan berusaha untuk mengatasinya, (kita) tidak mahu ia berulang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Pelancaran My Green Team di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat, di sini hari ini.

Semalam, laporan eksklusif *Mingguan Malaysia* mendedahkan petani menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan benih padi sah sehingga terpaksa menggunakan benih padi tidak sah.

Sehubungan itu, tambah Salahuddin, pihaknya menasihati petani untuk mendapatkan bekalan benih padi sah daripada syarikat yang dilantik.

"Tidak timbul soal bekalan mahal kerana kerajaan beri kontrak kepada syarikat untuk menjualnya.

"Jika ada kes penjualan benih padi tidak sah ini, petani dinasihatkan, agar jangan membeli kerana ini yang menyebabkan tanaman mereka tidak elok seperti berpenyakit," ujarnya.

Sementara itu, Salahuddin berkata, kerajaan akan memuktamadkan syarikat yang berminat mengambil alih Pusat Fidlot Nasional (NFC), dalam waktu terdekat dan perbincangan berhubung perkara itu masih berjalan.

Menurut beliau, terdapat beberapa syarikat yang menunjukkan minat namun hanya satu yang serius.

"Kita akan kaji aspek perundangan kepada kementerian, sekiranya syarikat berkenaan boleh memulangkan kembali hutang, mengapa tidak," katanya.



SALAHUDDIN AYUB (dua dari kanan) melihat projek tanaman cili fertigasi yang diusahakan oleh pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Penggawa Barat menerusi program My Green Team di sekolah tersebut di Pontian, Johor, semalam. - BERNAMA

Subjek Sains Pertanian diajar semula di sekolah

PONTIAN 29 April - Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan semula subjek Sains Pertanian di peringkat sekolah rendah dan menengah dalam masa terdekat.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik juga sudah menyatukan persetujuan cadangan tersebut kerana ilmu asas berhubung pertanian dapat memberi banyak manfaat pada masa depan.

"Saya sudah berbincang den-

gan Dr. Maszlee supaya dikembalikan subjek Sains Pertanian di sekolah dan secara asasnya beliau bersetuju.

"Pengetahuan dalam bidang ini bukan sahaja boleh dijadikan karier, tetapi meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), ini terbukti membabitkan negara-negara maju," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Pelancaran My Green Team di Sekolah Me-

nengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat, di sini hari ini.

Salahuddin memberitahu, perkara itu sudah pun dibincangkan di peringkat Kabinet.

"Subjek ini dahulu ditawarkan sebagai subjek pilihan, sewajarnya ia diajar bermula dari peringkat sekolah rendah lagi kerana ia penting dan berkesan.

"Sekurang-kurangnya ahli keluarga boleh bercucuk tanam dan dapat mengurangkan kos harian mereka," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN	ONLINE	

Syarikat pembekal benih padi tidak ikut piawaian akan dikenakan tindakan



DATUK Salahuddin Ayub. - UTUSAN ONLINE

[Mohd. Khairul Mohd. Ali](#)

29 April 2019 1:50 PM

PONTIAN 29 April - Syarikat yang diberi kontrak membekalkan benih padi sah tidak mengikut piawaian ditetapkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas berdepan tindakan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pihaknya telah mengarahkan laporan lengkap dibuat terhadap kesemua sembilan syarikat terbabit.

“Saya sudah arahkan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Datuk Salim Parlan untuk menubuhkan jawatankuasa bertindak bagi mengkaji prestasi syarikat terlibat, sama ada mereka beroperasi mengikut prosedur ditetapkan.

“Rungutan daripada pihak petani berhubung perkara ini saya ambil maklum dan kita akan berusaha untuk mengatasinya, tidak mahu ia berulang lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Pelancaran My Green Team di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato’ Penggawa Barat, di sini sebentar tadi.

Semalam, laporan eksklusif Mingguan Malaysia mendedahkan petani menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan benih padi sah sehingga terpaksa menggunakan benih padi tidak sah.

Tambah Salahuddin, sehubungan itu pihaknya menasihati petani untuk mendapatkan bekalan benih padi sah daripada syarikat yang dilantik. - UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	HARIAN METRO	TENGAH	27

HARIAN METRO

Pontian

Muktamad ambil alih NFC dalam masa terdekat

Kerajaan memuktamadkan proses pengambilalihan National Feedlot Corporation (NFC) dalam masa terdekat.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, ketika ini proses perbincangan mengenai perkara itu sedang berjalan.

"Kita akan memuktamadkan pengambilalihan NFC dalam masa terdekat dan perbincangan masih berlangsung, selain turut meneliti kesan perundangan terhadap proses pengambilalihan ini.

"Sudah tentu syarikat yang berminat perlu bersetuju dengan syarat kementerian iaitu untuk membayar semula pinjaman yang diberikan kepada NFC sebelum ini kepada kerajaan berjumlah RM250 juta," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan My Green Team Kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dengan Kementerian Pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Penggawa Barat di sini, semalam.

Pontian

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Takeover of NFC project to be finalised soon - Salahuddin

Bernama | Published: 29 Apr 2019, 7:27 pm



A+ A-

The acquisition of the National Feedlot Centre (NFC) project will be finalised soon, after taking into account its legal implications to the Agriculture and Agro-Based Industry Ministry.

Its minister Salahuddin Ayub said there were still ongoing talks between the ministry and the companies that had expressed interest in the project.

"So far, there are there are two or three companies that are interested, but only one (company) is serious.

"We will look at the legal implications on the ministry. If it goes smoothly and the company can refund the RM250 million (which is the government's loan to NFC earlier) to the ministry, why not (approve the takeover)?"

He told this to reporters after the launch of the "MyGreenTeam" programme, a project in collaboration with the Farmers' Organisation Authority (LPP) and the Education Ministry at Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat, Pontian today.

Also present were LPP chairperson Mazlan Alima, its director-general Azulita Salim and a representative of the Johor state education director, Yusman Jamsir.

- *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN	ONLINE	

NFC: Pengambilalihan projek dimuktamadkan dalam masa terdekat - Salahuddin

Bernama | Diterbitkan 29 Apr 2019, 2:18 tengahari | Dikemaskini 29 Apr 2019, 2:18 tengahari



Proses pengambilalihan projek Pusat Fidlot Nasional (NFC) akan dimuktamadkan dalam masa terdekat selepas mengambil kira kesan perundangannya kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Menterinya Salahuddin Ayub berkata ketika ini perbincangan masih lagi berlangsung di antara kementeriannya dan juga syarikat yang menyatakan minat terhadap projek itu.

"Setakat ini yang berminat tu, ada dua tiga (syarikat) tapi yang serius, satu.

"Kita akan kaji kesan dari segi perundangan kepada MOA. Sekiranya berjalan dengan lancar dan syarikat ini boleh memulangkan kembali hutang RM250 juta (pinjaman yang diberikan kerajaan kepada NFC sebelum ini) kepada MOA, jadi why not? (setuju pengambilalihan)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Program "MYGREENTEAM", projek kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang (LLP) dan Kementerian Pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat di Pontian hari ini.

Turut hadir Pengerusi LLP Mazlan Aliman; Ketua Pengarah LLP Azulita Salim; dan wakil Pengarah Pendidikan Negeri Johor, Yusman Jamsir.

Sementara itu, ditanya sama ada satu daripada tiga syarikat yang berminat itu ialah syarikat milik kerajaan Johor iaitu Johor Corporation (JCorp), Salahuddin berkata beliau tidak boleh mendedahkannya sekarang.

Menyentuh isu lain, Salahuddin berkata pihaknya akan bermesyuarat bersama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada 3 Mei ini untuk membincangkan tentang tanah FELDA yang akan diusahakan bagi tanaman durian Musang King.

"Kedua-dua kementerian akan berbincang mengenainya kerana Datuk Seri Azmin Ali ialah menteri yang bertanggungjawab terhadap FELDA dan saya bertanggungjawab ke atas bidang pertanian.

"Bagi kami, industri ini bertumbuh dengan pesat sekali dan kita nampak FELDA ada tanah ladang. Jadi kita akan kenal pasti tanah-tanah yang sesuai untuk penanamannya," kata beliau.

- *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	KOSMO	ONLINE	

Ambil alih projek NFC dimuktamadkan dalam masa terdekat
 29 April 2019 2:47 PM



Salahuddin.

PONTIAN - Proses pengambilalihan projek Pusat Fidlol Nasional (NFC) akan dimuktamadkan dalam masa terdekat selepas mengambil kira kesan perundangannya kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Menterinya Datuk Salahuddin Ayub berkata, ketika ini perbincangan masih lagi berlangsung di antara kementeriannya dan juga syarikat yang menyatakan minat terhadap projek itu.

"Setakat ini yang berminat tu, ada dua tiga (syarikat) tapi yang serius, satu.

"Kita akan kaji kesan dari segi perundangan kepada MOA. Sekiranya berjalan dengan lancar dan syarikat ini boleh memulangkan kembali hutang RM250 juta (pinjaman yang diberikan kerajaan kepada NFC sebelum ini) kepada MOA, jadi why not? (setuju pengambilalihan)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Program "MYGREENTEAM", projek kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang (LLP) dan Kementerian Pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat di sini, hari ini. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	ASTRO AWANI	ONLINE	

Pengambilalihan NFC dimuktamadkan dalam masa terdekat

Astro Awani | 📺 April 29, 2019 14:19 +08



Datuk Salahuddin Ayub berkata kajian juga sedang dijalankan dari segi undang-undang dan kesan kepada kementerian. - Bernama

PONTIAN: Proses pengambil alihan National Feedlot Corporation (NFC) akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Proses perbincangan mengenai perkara itu sedang berjalan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata kajian juga sedang dijalankan dari segi undang-undang dan kesan kepada kementerian.

"Kita kaji dari segi perundangan, kesan kepada kementerian jika semuanya berjalan lancar.

"Saya sebut syarikat boleh pulang kembali hutang kepada MOA, itu semua dalam kajian itu jadi saya tak boleh sebut syarikat itu, tak boleh dedahkan," kata Salahuddin.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis pelancaran My Green Team di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat di Pontian, Johor.

Minggu lalu, sebuah syarikat tempatan dilaporkan berminat untuk mengambil alih NFC yang pernah dilanda kontroversi bagi membangunkan semula projek ternakan lembu yang gagal dalam pentadbiran terdahulu.

Dalam perkembangan lain, Salahuddin memaklumkan pihaknya akan bermesyuarat bersama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada 3 Mei ini bagi membincangkan tentang soal tanah Felda yang akan diusahakan untuk tanaman durian Musang King.

Katanya, industri berasaskan durian sedang pesat dan kita akan kenal pasti tanah yang sesuai untuk penanamannya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN	ONLINE	

Pengambilalihan NFC dalam masa terdekat



DATUK Salahuddin Ayub. - UTUSAN ONLINE

[Mohd. Khairul Mohd. Ali](#)

29 April 2019 2:15 PM

PONTIAN 29 April - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dijangka akan memuktamadkan proses pengambilalihan Pusat Fidlot Nasional (NFC) dalam waktu terdekat.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, ketika ini perbincangan berhubung perkara itu masih berjalan.

"Ada dua tiga syarikat yang menunjukkan minat, namun hanya satu yang serius.

"Kita akan mengkaji kesan daripada aspek perundangan kepada kementerian, sekiranya syarikat berkenaan boleh memulangkan kembali hutang, mengapa tidak," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Pelancaran My Green Team di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat, di sini sebentar tadi. - UTUSAN ONLINE

Durian Malaysia tembusi China



Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali ketika melawat salah sebuah rasmi pameran pada Festival Durian Malaysia 2019 di Beijing, China baru-baru ini.

PLS Plantation Berhad anjur Festival Durian Malaysia di Beijing

BERSEMPENA dengan program 'Belt and Road', PLS Plantation Berhad, sebuah syarikat awam yang tersenarai di Bursa Malaysia, telah mengambil inisiatif mempromosikan buah durian keluaran Malaysia di China menerusi penganjuran Festival Durian Malaysia 2019 di Beijing, baru-baru ini.

Acara dua hari yang berakhir pada 28 April 2019 itu turut menyaksikan PLS Plantation Berhad telah menandatangani perjanjian perantara antara Shanghai Greenland Group, ZTE Corporation dan Shanghai Ptsky Bio-teknologi dari China dengan FGV Holdings Berhad dari Malaysia.

PLS Plantation Berhad dalam satu kenyataan memberitahu, perjanjian itu adalah sebahagian daripada rancangannya dalam meningkatkan hubungan perniagaan antara Malaysia dan China menerusi perdagangan durian.

Majlis menandatangani perjanjian itu telah dilaksanakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang turut dihadiri Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

PLS Plantation Berhad berkata, pada awal Mac 2019, ia telah menandatangani perjanjian perkongsian strategik dengan Greenland, untuk membentuk Greenland-PLS Joint Venture bagi pembangunan perniagaan import, jualan dan pemasaran produk durian.

"Sejak itu, Greenland-PLS Joint Venture telah berjaya mengimport produk durian yang popular dari Malaysia, termasuk D197 Musang King dan D24 Sultan King, yang

terdiri daripada produk beku.

"PLS Plantation Berhad yakin bahawa durian di Malaysia akan mendapat permintaan dan diedarkan ke seluruh bandar di China dan sekali gus akan menyumbang hasil kepada bahagian perniagaan durian PLS Plantation Berhad," katanya.

Tambahnya, melalui kerjasama dengan FGV Holdings Berhad, Shanghai Greenland Group, ZTE Corporation dan Shanghai Ptsky Bio-teknologi, PLS Plantation Berhad mempercayai bahawa pembangunan pertanian di Malaysia akan maju dan menyumbang kepada ekonomi Malaysia untuk memberi manfaat kepada rakyat bagi jangka masa panjang.

Mengikut data perdagangan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, eksport durian ke China telah meningkat dengan purata 35 peratus setiap tahun dan dianggarkan bernilai AS\$1.1 billion (AS\$1-RM4.1330) pada 2017 iaitu jauh lebih tinggi daripada AS\$243 juta pada 10 tahun lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	BERITA HARIAN	BISNES	22

FGV, PLS teroka potensi buka ladang durian

➔ Pasaran luas terutama di China pacu kerjasama

Oleh Shahrizan Sallan
shahrizan_sallan@bh.com.my

FGV Holdings Bhd (FGV) memeterai perjanjian induk (HoA) bersama PLS Plantation Bhd (PLS) bagi meneroka potensi menjalin usaha sama membangunkan ladang tanaman kontan, khususnya durian.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Datuk Haris Fadzil Hassan, berkata kerjasama itu adalah sebahagian daripada

strategi kumpulan memanfaatkan penggunaan kawasan tidak dibangunkan, yang tidak sesuai untuk kelapa sawit dan meneroka aliran pendapatan tambahan dengan meningkatkan peratusan tanaman kontan.

Beliau berkata, sektor perniagaan logistik dari sokongan FGV juga akan memperoleh manfaat daripada perkongsian itu kerana menawarkan rangkaian logistik yang boleh dipercayai menerusi kerjasama strategik.

"Menerusi HoA ini, FGV berharap untuk meneroka peluang bagi kedua-dua pihak untuk menjalin usaha sama, sejajar cadangan Program Ladang Durian Negara yang dimulakan oleh PLS," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

HoA itu dimeterai pada 27 April lalu sempena Forum Jalur dan Jalan di Beijing, China.

Pada Ogos tahun lalu, Kementrian Pertanian dan Industri

Asas Tani memeterai protokol eksport dengan Pentadbiran Am Kastam China untuk eksport durian segar dan beku.

Haris Fadzil Hassan berkata, terdapat potensi pasaran yang besar bagi industri durian Malaysia, dengan China kini menjadi pengguna terbesar dunia.

Pasaran terbesar

PLS, menerusi anak syarikatnya, Dulai Fruits, berjaya menembusi pasaran 10 negara, dengan China adalah pasaran terbesar.

Dulai Fruits mempunyai pengalaman 30 tahun dalam penanaman dan eksport durian.

Mengulas lanjut, Haris Fadzil Hassan berkata, FGV juga akan memanfaatkan risikan dan rangkaian pasaran PLS untuk mengukuhkan lagi produk dan kedudukan jenamanya di China.

"Kami mengenal pasti lebih



Menerusi HoA ini, FGV berharap untuk meneroka peluang bagi kedua-dua pihak untuk menjalin usaha sama"

Haris Fadzil Hassan,
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan FGV

1,398 hektar tanah yang berpotensi untuk penanaman durian komersial berskala besar," katanya.

Mengikut data perdagangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), eksport durian ke China meningkat pada purata 35 peratus setahun, bernilai AS\$1.1 bilion (RM4.54 bilion) pada 2017, jauh lebih tinggi daripada AS\$243 juta (RM1 bilion) sedekad lalu.

Walaupun Thailand menguasai pasaran, kerajaan menyasarkan peningkatan 50 peratus jumlah eksport menjelang 2030, memandangkan industri tempatan mencorakkan semula pasaran global.

Haris Fadzil Hassan berkata, durian adalah tanaman kontan yang paling menguntungkan dari perspektif nilai sehektar dan FGV mahu memanfaatkan permintaan dari China ke atas Raja Buah itu.

"Kami yakin usaha ini akan memberi sumbangan positif kepada prestasi kewangan FGV, yang akan meningkatkan nilai pemegang saham," katanya.



FOTO HASSAN

Benih padi 'beg putih' penyelamat pesawah

KUALA LUMPUR 29 April - Benih padi tidak sah atau lebih dikenali dengan jolokan padi 'beg putih' sebenarnya penyelamat kepada para pesawah daripada terus menjadi mangsa eksploitasi pengilang yang diiktiraf kerajaan.

Bendahari Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Mohd. Rafirdaus Abu Bakar berkata, pengilang yang diiktiraf itu telah menyalah guna subsidi kerajaan dengan menjual benih padi yang sah pada harga yang tinggi kepada para pesawah sejak 10 tahun lalu.

"Harga yang ditetapkan kerajaan untuk benih padi yang sah adalah RM28 untuk 20 kilogram (kg), malangnya harga itu dinaikkan RM30.

"Lebih menyedihkan apabila pengilang menetapkan syarat supaya pembelian benih padi hanya boleh dibuat apabila petani membeli racun sekali, dengan jumlah keseluruhan RM82.

"Persoalannya, racun itu tak berkesan pun untuk benih padi jenis CL220 atau Varieti Siraj 297, jadi kenapa perlu paksa petani beli?" katanya ketika dihubungi Utusan Ma-

laysia di sini hari ini.

Jelas Mohd. Rafirdaus yang mengusahakan sawah padi milik keluarganya di Jitra, Kedah selama 15 tahun, kualiti benih padi yang sah juga amat mengecewakan apabila hasil pengeluaran terlalu rendah dan banyak padi angin atau rumpal.

"Kalau dulu satu relung, pesawah hanya menggunakan dua beg benih padi, tapi sejak ada peraturan kena guna benih padi sah ini, sebanyak tiga beg benih padi untuk satu relung.

"Jadi, apa yang bagus sangat dengan benih padi sah ini? Harga mahal, hendak beli dikenakan syarat pula dan kualiti padi pula teruk," katanya.

Ditanya mengenai resit pembelian benih padi yang sah, Mohd. Rafirdaus berkata, pengilang bertindak 'bijak' apabila tidak memberikan resit kepada pesawah.

Semalam, Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Jamal Hrizan Yang Razali menyaranakan pesawah mendapatkan bukti pembelian daripada mana-mana pembekal benih padi bagi mengesan ejen yang menawarkan benih tidak berkualiti.

Isu padi hantu: Nafas cadang siasat segera PPK

KUALA LUMPUR 29 April - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani perlu menyalasat segera pekilang-pekilang swasta atau 'orang tengah' yang membekalkan benih 'padi hantu' kepada para pesawah selain membuat siasatan terhadap Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) negeri-negeri.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Datuk Ir. Phahrolrazi Mohd. Zawawi, pihaknya mendapati benih-benih subsidi sering dilaporkan kehabisan stok di PPK dan hal itu sepatutnya tidak berlaku.

Katanya, hal itu amat menghairankan kerana pesawah tidak mempunyai punca lain selain mendapatkan benih padi daripada 'orang tengah' iaitu daripada pekilang-pekilang swasta ini.

"Sistem pengagihan benih padi kepada para petani sekarang ini caru marba. Petani ada masalah untuk mendapatkan benih padi subsidi," katanya kepada Utusan Malaysia ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas laporan khas *Mingguan Malaysia* se-

malam mengenai kemelut isu pembekalan benih padi tidak sah kepada pesawah menjadi lebih kronik apabila didapati wujud 'orang tengah' yang dikesan mengaut keuntungan besar dengan membekalkan benih padi berpenyakit atau lebih dikenali sebagai 'padi hantu'.

Tambah Phahrolrazi, kerajaan juga perlu mengkaji semula prosedur operasi standard (SOP) pemberian benih subsidi kepada para petani.

Katanya, perkara itu wajar dikawal oleh satu agensi khas supaya hanya benih padi yang sah dan terjamin kualitinya diagihkan kepada para pesawah.

Sementara itu, Koordinator, Badan Bertindak Selamatkan Industri Padi dan Beras Negara (Padi Rescue), Nurfitri Amir Muhammad berkata, SOP penghasilan benih padi dan kawalan eksploitasi harga benih padi perlu dipantau dan diperketatkan.

Katanya, ini bagi mengelak harga benih padi sah yang terlalu tinggi sehingga menyebabkan pesawah memilih untuk membeli benih padi yang lebih murah walaupun tidak sah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10



ANTARA kucing yang cuba diseludup masuk menerusi kargo KLIA berjaya dikesan oleh pegawai MAQIS di Sepang, baru-baru ini.

Cubaan seludup kucing gagal

SEPANG 29 April - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) berjaya menggagalkan tiga cubaan menyeludup sebanyak 15 ekor kucing pelbagai spesies ke negara ini dalam tempoh seminggu.

Dalam kejadian Isnin minggu lalu, MAQIS menggagalkan cubaan menyeludup empat ekor kucing spesies Maine Coon dan Abyssinian dari Ukraine di Animal Hotel MAS Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Pengarah MAQIS Selangor, Dr. Tarmisal Alimin berkata, hasil maklumat dan risikan, pegawai MAQIS menahan seorang penumpang di pintu masuk bahagian Pencegah Kastam Kargo KLIA ketika membawa kucing itu dalam sebuah kenderaan persendirian jenis Alphard tanpa permit import (IP) daripada MAQIS.

"Hasil pemeriksaan mendapati terdapat empat ekor kucing yang diletakkan di bahagian kerusi belakang kereta yang tertera nama kucing tersebut pada setiap sangkar,"

katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tarmisal berkata, pada 20 April, pegawai MAQIS turut menahan lima ekor kucing pelbagai spesies yang cuba diseludup tanpa sebarang permit dari Rusia ke negara ini.

Sementara pada 18 April pula katanya, pegawai MAQIS menahan enam ekor kucing daripada spesies Exotic Shorthair dari Hong Kong di Animal Hotel Mas Kargo KLIA yang cuba diseludup masuk ke negara ini.

Beliau berkata, dalam kes berkenaan, pengimport telah memalsukan permit import MAQIS dan perbuatan itu merupakan kesalahan di bawah Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 2011].

Jelasnya, mengimport haiwan tanpa permit yang sah adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 11 (1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

Kerajaan bantu usahawan sarang burung

PUCHONG - Kementerian Pembangunan Usahawan bersedia membantu usahawan yang mahu mengeluarkan produk sarang burung walit untuk pasaran antarabangsa.

Menterinya, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof berkata, usahawan itu akan dibantu dengan syarat mereka perlu memahami rantaian ekosistem dalam pengeluaran sesuatu produk serta menjalani latihan tertentu.

Beliau berkata, proses tersebut amat penting kerana untuk menjadi seorang usahawan atau pengeluar yang berjaya bukan perkara mudah.

"Untuk keluaran produk sarang burung walit ini, mereka perlu faham proses pengeluarannya termasuk apa yang pelanggan mahukan, perlu melalui latihan tertentu, bekerjasama dengan agensi yang sudah berjaya bagi mendapatkan pengalaman serta ilmu termasuk cara untuk memasarkan dan menjenamakan produk yang ingin dihasilkan.

"Jika usahawan kita memenuhi kesemua aspek ini, kementerian pasti bantu,"



Mohd Redzuan (dua dari kiri) melihat sarang burung walit sebelum diproses di kilang MyNest Group Malaysia di Puchong, semalam.

katanya selepas merasmikan pembukaan Muzium 'Eco Culture' Sarang Burung Walit Mynest Malaysia di MyNest Biotech Sdn Bhd, Taman Perindustrian Pusat Bandar Puchong di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Mynest Group Malaysia Sdn Bhd, Datuk Chua Hual Gen dan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Aini Ideris

Pengambilalihan NFC dalam masa terdekat

PONTIAN - Proses pengambilalihan projek Pusat Fidlot Nasional (NFC) akan dimuktamadkan dalam masa terdekat selepas mengambil kira kesan perundangannya kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, ketika ini perbincangan masih lagi berlangsung antara kementeriannya dan juga syarikat yang menyatakan minat terhadap projek itu.

"Setakat ini yang berminat ada dua tiga (syarikat) tapi yang serius, satu.

"Kita akan kaji kesan dari segi perundangan kepada MOA. Sekiranya berjalan dengan lancar dan syarikat ini boleh melancarkan kembali hutang RM250 juta (pinjaman yang diberikan kerajaan kepada NFC sebelum ini) kepada MOA, jadi why not? (setuju pengambilalihan)," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, ditanya sama ada satu daripada tiga syarikat yang berminat itu ialah syarikat milik kerajaan Johor iaitu Johor Corporation (JCorp), Salahuddin berkata, beliau tidak boleh mendedahkan-nya sekarang. - Bernama

Subjek pertanian diperkenalkan semula

Sains Pertanian diajar kembali di sekolah untuk tarik minat orang muda

NORAZURA MD AMIN

PONTIAN

Subjek Sains Pertanian akan dikembalikan semula di sekolah-sekolah bagi menarik minat golongan muda terlibat dalam bidang pertanian.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, Kementerian Pendidikan melalui Menteri, Dr Maszlee Malik turut bersetuju subjek tersebut diajar semula.

"Saya sudah berbincang dengan Dr Maszlee supaya dikembalikan subjek Sains Pertanian ini.

"Perkara ini juga sudah dibincangkan dalam Kabinet dan dibawa ke pengetahuan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ketua Setiausaha



Salahuddin (tengah) menyerahkan peruntukan RM10,000 kepada Mohd Shaphri pada pelancaran My Green Team di SMK Dato Penggawa Barat di Pontian, semalam.

akan bincangkan lebih lanjut tentang perkara ini yang telah dipersekitar secara dasar," katanya.

Beliau ditemui pada Majlis Pelancaran My Green Team dengan kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang dan Kementerian Pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Penggawa Barat di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga

Perkembangan Peladang (LPP), Mazlan Aliman dan Pengetua, Mohd Shaphri Mohd Yusof.

Menurutnya, bidang pertanian tidak lagi dianggap mundur kerana komitmen yang ditunjukkan negara maju jelas memperlihatkan pertanian mampu meningkatkan pendapatan petani.

"Rakyat mesti memiliki pengetahuan secukupnya dalam bidang

ini kerana ia boleh menyumbang kepada pendapatan negara menerusi pengeluaran makanan," katanya.

Beliau turut berharap agar subjek berkenaan segera dikembalikan di sekolah-sekolah bermula di peringkat sekolah rendah.

Sementara itu, Salahuddin berkata, penanaman durian Musing King di kawasan Felda antara yang dicadangkan kementeriannya berikutan perkembangan industri agro makanan.

"Kajian akan dibuat terlebih dahulu bagi menentukan tanah-tanah di kawasan Felda yang sesuai bagi penanaman durian ini.

"Pihak kami bersama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi di bawah Datuk Seri Mohamed Azmin Ali akan mengadakan mesyuarat pada 3 Mei ini. Cadangan penanaman durian Musing King adalah antara yang dibincangkan," katanya.

Dalam pada itu, sebanyak 52 buah sekolah dari seluruh negara terpilih menerima peruntukan secara one-off berjumlah RM5,000 sehingga RM10,000 bagi menambatkan projek My Green Team.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	44



ABDUL LATEH MOHD. SAMAN (duduk, dua dari kiri) bersama pengerusi-pengerusi PPK Kedah mengangkat poster membantah pindaan komposisi ahli jemaah pengarah di Alor Setar, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

PPK Kedah bantah pindaan, tuntutan hak

Oleh SHARILFUDDIN SAARI
 pengarang@utusan.com.my

■ ALOR SETAR 29 APRIL

KESEMUA 42 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang menaungi 100,000 petani di negeri ini membantah sekeras-kerasnya pindaan komposisi ahli jemaah pengarah pertubuhan itu yang dianggap satu bentuk campur tangan politik.

Malah berikutan pindaan yang akan berkuat kuasa 1 Mei ini, terdapat ahli-ahli PPK yang mengancam untuk mengeluarkan platform lain untuk me-

wakili mereka.

Menurut Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kedah, Datuk Abdul Lateh Mohd. Saman, pindaan tersebut bukan sahaja telah mencabul hak ahli-ahli pertubuhan itu tetapi juga 'merampas' kuasa mereka untuk melantik ahli jemaah pengarah di tiga peringkat untuk mewakili suara golongan berkenaan.

Kata beliau, tiga peringkat tersebut adalah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), PPN dan PPK.

"Lebih malang, menerusi pindaan ini, lebih separuh daripada pelantikan ahli jemaah pengarah Nafas, PPN dan PPK adalah

di bawah kuasa Menteri (Pertanian dan Industri Asas Tani) manakala selebihnya melalui mesyuarat agung (demokrasi).

"Malah pelantikan pengerusi PPN juga mesti dengan persetujuan Menteri. Harus diingat Pertubuhan Peladang bukanlah agensi kerajaan yang ahli jemaah pengarahnya boleh dilantik sesuka hati tanpa persetujuan ahli yang membuat pelaburan saham," katanya dalam sidang akhbar di sebuah hotel di sini, hari ini.

Yang hadir sama bagi memberi sokongan ialah seramai 42 Pengerusi PPK Kedah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

Pertubuhan Peladang Kedah mohon campur tangan PM

WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR | 29 Apr 2019



Abd Lateh (duduk tengah) bersama 42 Pengerusi PPK dari seluruh Kedah berharap Tun Mahathir dapat campur tangan dalam membatalkan pindaan komposisi AJP.

ALOR SETAR - Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kedah meluahkan rasa kecewa dengan pindaan komposisi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) yang akan berkuat kuasa bermula 1 Mei dan mahu Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad campur tangan dalam hal tersebut.

Pengerusi PPN Kedah, Datuk Abd Lateh Mat Saman berkata, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub telah mengambil kuasa ahli-ahli pertubuhan peladang yang digerakkan oleh ahli peladang melalui pelaburan saham dengan menentukan komposisi AJP.

Menurutnya, sebahagian besarnya sebelum ini dipilih oleh ahli peladang dalam mesyuarat agung namun sebaliknya pada hari ini lebih dari separuh adalah merupakan lantikan menteri.

"Pertubuhan peladang bukanlah agensi kerajaan yang boleh melantik sewenang-wenangnya tanpa perundingan dan persetujuan ahli. Pertubuhan ini juga berfungsi hampir sama dengan koperasi di mana penubuhannya berasaskan saham ahli. Prinsip demokrasi adalah teras kepada gerakan pertubuhan peladang.

"Pemilihan sebahagian besar AJP secara autokratik tanpa melalui pemilihan adalah langkah songsang menggoreskan hati dan wadah ahli-ahli pertubuhan peladang.

"Kami mohon agar Perdana Menteri untuk campur tangan dan membatalkan pewartaan ini yang akan berkuat kuasa pada 1 Mei," katanya pada sidang akhbar di sebuah hotel hari ini.

Dalam waktu yang sama, Abd Lateh turut menyokong PPN Kelantan yang menyaman Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Ketua Pendaftar dan Kerajaan Pusat kerana membantah pindaan beberapa peraturan baharu yang dilakukan oleh kementerian tersebut.

Menurutnya, pindaan telah dibuat membabitkan pelantikan dan pemilihan AJP Pertubuhan Peladang di tiga peringkat iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan PPN.

"Kekecewaan ini berpunca daripada perubahan yang dibuat berkaitan AJP PPN iaitu seramai 5 orang dilantik oleh Menteri Pertanian secara lantikan menteri, manakala 4 orang lagi dipilih di kalangan ahli iaitu melalui pemilihan semasa mesyuarat agung secara demokrasi.

"Di NAFAS pula 6 AJP yang dilantik oleh menteri manakala 5 lagi AJP dipilih di kalangan ahli iaitu melalui pengundian semasa mesyuarat agung NAFAS,"katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	BERITA HARIAN	ONLINE	



PENGERUSI PPN Kedah, Datuk Abdul Lateh Mohd Saman (duduk, tiga dari kanan) pada sidang media di sebuah hotel, di Alor Setar, hari ini. - Foto Sharul Hafiz Zam

'Lantikan AJP Pertubuhan Peladang belakangkan demokrasi'



Oleh Muhammad Mustakim Ramli
m.mustakim@bh.com.my

ALOR SETAR: Kerajaan diminta mengkaji semula atau membatalkan Warta Kerajaan Persekutuan, Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 yang berkuat kuasa, Rabu ini.

Ia susulan pindaan peraturan yang dilihat dibuat secara tergesa-gesa tanpa perbincangan dengan semua pihak termasuk Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), sekali gus didakwa tidak melambangkan demokrasi.

Pengerusi PPN Kedah, Datuk Abdul Lateh Mohd Saman, berkata kekecewaan pihaknya ini berpunca daripada perubahan dibuat terhadap lantikan Ahli Jemaah Pengarah (AJP) PPN iaitu seramai lima AJP dilantik secara lantikan menteri, manakala empat lagi dipilih dalam kalangan ahli.

"Menteri dilihat mengambil kuasa ahli-ahli pertubuhan peladang... sebelum ini (lantikan) dipilih oleh ahli peladang dalam mesyuarat agung tetapi kini sebaliknya apabila lebih separuh adalah lantikan menteri.

"Pertubuhan peladang bukannya agensi kerajaan yang boleh melantik sewenang-wenangnya tanpa rundingan serta persetujuan ahli. Kita berfungsi hampir sama dengan koperasi, di mana penubuhannya berasaskan saham ahli," katanya pada sidang media, di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Beliau berkata pindaan berkenaan juga turut membabitkan pelantikan pengerusi AJP di peringkat Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Abdul Lateh berkata, pemilihan secara autokratik tanpa melalui pemilihan adalah langkah songsang, mengguris hati ahli peladang yang boleh menyebabkan mereka beralih arah kepada platform lain.

"Besar harapan kami supaya Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad campur tangan supaya pindaan bersifat diktator ini tidak diteruskan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pindaan berkaitan pemilihan dari tiga tahun sekali kepada dua tahun sekali juga dilihat sebagai langkah kebelakang.

"Kita sudah melakukannya sebelum ini (pemilihan dua tahun sekali) dan jangka masa itu terlalu singkat untuk membuat perubahan. Tempoh tiga tahun adalah bersesuaian," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN	ONLINE	

Pasfa tolak pindaan peraturan Pertubuhan Peladang



PENGERUSI Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (Pasfa), Datuk Mustaffar Kamal Ab. Hamid (tengah, baju merah) bersama Ahli Jemaah Pengarah (AJP) dan Pengerusi-pengerusi Ahli Jemaah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pahang menunjukkan Warta Kerajaan Persekutuan, Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 yang ditolak pertubuhan itu di Kuantan, Pahang hari ini. -UTUSAN ONLINE/ Ahmad Zakki Jilan

[Mohd. Shariza Abdullah](#)

28 April 2019 2:38 PM

KUANTAN 28 April - Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (Pasfa) yang mempunyai 64,000 ahli menolak pelaksanaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 berkuat kuasa 1 Mei ini yang disifatkan membelakangkan prinsip demokrasi diamalkan dalam tadbir urus Pertubuhan Peladang.

Keputusan itu dicapai dalam mesyuarat khas Pasfa dengan semua 22 pemegang saham iaitu 22 PPK di seluruh negeri yang melibatkan Ahli Jemaah Pengarah (AJP) pertubuhan berkenaan dan Pengerusi-pengerusi Ahli Jemaah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di sini hari ini.

Pindaan tersebut berkaitan langsung dengan Peraturan 35 iaitu pemilihan dan pelantikan AJP PPK, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

Pengerusi Pasfa, Datuk Mustaffar Kamal Ab. Hamid berkata, pindaan peraturan itu secara terang-terangan menafikan hak pemegang saham Pertubuhan Peladang khususnya dalam pelantikan Jemaah Pengarah yang bertanggungjawab dalam mentadbir pertubuhan tersebut.

"Pindaan ini bercanggah dengan Perlembagaan PPK, PPN dan Nafas yang menjadi garis panduan dalam melaksanakan tadbir urus di semua peringkat Pertubuhan Peladang," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat khas berkenaan.

Menerusi Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 22 April 2019, Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 menetapkan komposisi AJP PPK mestilah terdiri daripada tujuh ahli yang dalam mesyuarat agung tahunan dan lima ahli lagi dilantik oleh menteri, seorang daripadanya hendaklah merupakan Peladang Muda dan seorang lagi merupakan Peladang Nita.

Bagi AJP PPN pula, empat ahli dipilih melalui mesyuarat agung tahunan manakala lima ahli dilantik oleh menteri dan pengerusi dinamakan oleh AJP dalam kalangan mereka yang diluluskan oleh menteri.

Lantikan AJP Nafas pula, lima ahli dipilih dalam mesyuarat agung tahunan dan enam ahli dilantik oleh menteri manakala pengerusi dinamakan oleh AJP dalam kalangan mereka yang diluluskan oleh menteri.

Warta yang dibuat pada 19 April 2019 oleh Pengerusi LPP, Datuk Mazlan Aliman dan diluluskan pada tarikh yang sama oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub itu akan dikuatkuasakan pada 1 Mei ini. - UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN	ONLINE	

'Kembalikan hak kami'



ABDUL Lateh Mohd. Saman (duduk, dua dari kiri) bersama Pengerusi-pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kedah mengangkat poster bantahan pindaan komposisi Ahli Jemaah Pengarah selepas sidang akhbar di sebuah hotel di Alor Setar, Kedah, hari ini. - UTUSAN ONLINE/FARIZ RUSADIO

[Sharilfuddin Saari](#)

29 April 2019 2:22 PM

ALOR SETAR 29 April - Kesemua 42 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang menaungi 100,000 orang petani di negeri ini hari ini membantah sekeras-kerasnya terhadap pindaan komposisi ahli jemaah pengarah pertubuhan itu yang dianggap satu bentuk campur tangan politik.

Malah berikutan pindaan yang akan berkuat kuasa 1 Mei ini, terdapat ahli-ahli PPK yang mengancam untuk mengeluarkan pelaburan dan menggunakan platform lain untuk mewakili mereka.

Menurut Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kedah, Datuk Abdul Lateh Mohd. Saman, pindaan tersebut bukan sahaja telah mencabul hak ahli-ahli pertubuhan itu tetapi juga 'merampas' kuasa mereka untuk melantik ahli jemaah pengarah di tiga peringkat untuk mewakili suara golongan berkenaan.

Kata beliau, tiga peringkat tersebut adalah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), PPN dan PPK.

"Lebih malang, menerusi pindaan ini, lebih separuh daripada pelantikan ahli jemaah pengarah Nafas, PPN dan PPK adalah di bawah kuasa Menteri (Pertanian dan Industri Asas Tani) manakala selebihnya melalui mesyuarat agung (demokrasi).

"Malah pelantikan pengerusi PPN juga mesti dengan persetujuan Menteri.

"Harus diingat bahawa Pertubuhan Peladang ini bukanlah sebuah agensi kerajaan yang ahli jemaah pengarahnya boleh dilantik sesuka hati tanpa persetujuan ahli yang membuat pelaburan saham," katanya dalam sidang akhbar di sebuah hotel di sini, hari ini.

Yang hadir sama bagi memberi sokongan ialah seramai 42 Pengerusi PPK Kedah.

Tambah Abdul Lateh, selain daripada pemilihan sebahagian besar ahli jemaah pengarah secara autokratik tanpa melalui mesyuarat agung seperti mana sebelum ini, pelantikan Peladang Muda dan Peladangnita juga dibuat oleh Menteri dalam pindaan itu.

"Tujuan asal mewujudkan dua kategori ini (Peladang Muda dan Peladangnita) adalah untuk menggalakkan orang muda dan wanita menceburi pertanian dan seharusnya dipilih berdasarkan ahli-ahlinya," katanya.

Beliau sehubungan itu mendesak campur tangan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sekali gus mengekalkan perlembagaan sebelum ini. - UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN	ONLINE	

Pemuda Amanah Kelantan gesa PPN tidak dipolitikkan



29 April 2019 8:20 PM

KOTA BHARU 29 April - Pemuda Parti Amanah Negara Kelantan mengingatkan semua pihak agar tidak mempolitikkan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) untuk kepentingan pihak tertentu.

Ketuanya Hazmi Hassan berkata tindakan itu akhirnya akan merugikan industri perladangan dan pertanian di negeri itu.

"Semua pihak sebaliknya harus bekerjasama untuk memajukan dan membawa perubahan kepada industri terbabit," katanya kepada pemberita selepas menghadiri penyerahan memorandum oleh anggota kepada PPN negeri di pejabat pertubuhan itu di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akbar semalam yang melaporkan PPN Kelantan bercadang menyaman Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Ketua Pendaftar dan Kerajaan Pusat dalam masa terdekat bagi membantah pemindaan beberapa peraturan baharu yang dilakukan oleh kementerian tersebut.

Hazmi turut menggesa anggota PPN itu supaya menyambut baik inisiatif yang dilakukan oleh kementerian untuk menambah baik industri terlibat.

Sementara itu, wakil anggota PPN Wan Mohd Ruzman Mamat berkata memorandum tersebut adalah sokongan anggota terhadap usaha kementerian memperbaiki kelemahan PPN sebelum ini.

"Kita menyokong dan berharap inisiatif (pindaan) itu dapat diteruskan oleh kementerian bagi mengatasi isu-isu yang terdapat sebelum ini.

"Tindakan menyaman dilihat satu tindakan yang kurang bijak dalam usaha kementerian melakukan perubahan terhadap sesebuah organisasi," katanya. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN	ONLINE	

30 ahli PPN Kelantan sokong pindaan

ADILA SHARINNI WAHID | 29 Apr 2019



Wan Mohd Rozman Wan Mamat (kanan) menyerahkan memorandum sokongan kepada wakil Pengarah PPN Kelantan di Pejabat PPN negeri di Lundang, hari ini.

KOTA BHARU - Selepas sekumpulan ahli Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kelantan menyatakan hasrat mengambil tindakan saman sebagai membantah pindaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), hari ini sekumpulan lagi ahlinya pula tampil menyatakan sokongan terhadap pindaan itu.

Wakil mereka yang menyokong pindaan itu, Wan Mohd Rozman Wan Mamat berkata, pindaan tersebut dilihat sebagai usaha murni MOA untuk dapat membela nasib ahli PPN sekaligus mengelakkan sebarang penyelewengan berlaku di dalam pertubuhan itu.

Menurutnya, langkah MOA itu wajar diterima oleh semua ahli PPN dan melihatkan sebagai usaha untuk membantu semua ahli serta memastikan nasib mereka terus terbela di bawah kepimpinan yang baru.

"Kami sangat mengalu-alukan pendekatan yang dibuat oleh pihak kementerian yang akan membawa banyak manfaat kepada ahli PPN pada masa hadapan.

"Mungkin ini adalah perubahan yang baik selepas 40 tahun PPN ditubuhkan sekali gus dapat memastikan pentadbiran PPN lebih telus," katanya di Pejabat PPN negeri di Lundang di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau mewakili 30 lagi penyokong menyerahkan memorandum sokongan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 yang akan dilaksanakan pada Rabu ini kepada wakil Pengarah PPN Kelantan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Kempen Ramadan Tanpa Pembaziran tahun ini



KEMPEN KESEDARAN: Mujahid (tengah) bergambar bersama Raja Kamarul Bahrin (dua kanan), Mohamad Nordin (dua kiri), Azizan (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP) Datuk Abdul Aziz Jusoh (kiri) pada Majlis Pelancaran Marhaban Ya Ramadan Peringkat Kebangsaan di Masjid Wilayah Persekutuan dekat Kuala Lumpur, semalam. — Gambar Bernama

KUALA LUMPUR: Kadar pembaziran yang tinggi dan peruntukan besar untuk pengurusan sisa pepejal setiap tahun mendorong kerajaan untuk mengambil langkah proaktif mengadakan kempen 'Ramadan Tanpa Pembaziran' tahun ini.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa pembaziran di negara ini amat membimbangkan sehingga memberi kesan kepada kewangan negara apabila terpaksa memperuntukkan lebih RM2 bilion untuk pengurusan sisa pepejal pada 2017.

"Menurut laporan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), rakyat di negara ini membuang 15,000 tan metrik makanan sehari dan 3,000 tan metrik daripadanya adalah makanan yang masih elok dan tidak sepatutnya dibuang.

"Tetapi, bahan sisa buangan itu meningkat 15 hingga 20 peratus pada Ramadan. Jadi ubahlah sikap dan apabila ke Bazar Ramadan, fikirkanlah 10 kali sebelum membeli kerana kita antara yang menyumbang kepada pembaziran yang melampaui batas sehingga boleh merosakkan alam sekitar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Majlis Pelancaran Marhaban Ya Ramadan Peringkat Kebangsaan di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah; Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Mohamad Nordin Ibrahim; dan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Prof Datuk Dr Azizan Baharuddin.

Menurut Mujahid, kempen Ramadan Tanpa Pembaziran akan diterajui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Mestec).

"Kerjasama itu sebagai satu projek rentas bertujuan untuk meningkatkan kesedaran rakyat supaya tidak membazir terutamanya pada Ramadan," katanya. Mujahid berkata tabiat pembaziran makanan dalam kalangan umat Islam khususnya pada Ramadan tidak selari dengan prinsip Maqasid Syariah.

“Kita selalu dengar ungkapan jangan membazir, tetapi tidak pernah dikaji apa kesannya dalam kehidupan ini. Inilah dasar Maqasid Syariah kerana ia menjaga bukan hanya diri kita tetapi juga orang lain dan seluruh warga dunia dan ke atas bumi yang didiami,” katanya.

Justeru, setiap umat Islam perlu sentiasa peka terhadap setiap tindakan yang dilakukan dan implikasinya supaya tidak melakukan perkara bertentangan dengan syariat.

Turut disampaikan bantuan kepada 724 masjid, surau Jumaat dan surau di seluruh Wilayah Persekutuan dengan peruntukan RM8.6 juta sempena ketibaan Ramadan ini dan penyampaian watiqah pelantikan kepada 960 amil di 74 pusat pungutan zakat di seluruh Wilayah Persekutuan. —
Bernama

Headline	Kempen Ramadan tanpa pembaziran		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	5	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	192 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,070
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,211



Kempen Ramadan tanpa pembaziran

KUALA LUMPUR - Kadar pembaziran yang tinggi dan peruntukan besar untuk pengurusan sisa pepejal setiap tahun mendorong kerajaan untuk mengambil langkah proaktif mengadakan kempen Ramadan Tanpa Pembaziran tahun ini.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, pembaziran di negara ini amat membimbangkan sehingga memberi kesan kepada kewangan negara apabila terpaksa memperuntukkan lebih RM2 bilion untuk pengurusan sisa pepejal pada 2017.

"Menurut laporan Institut Penye-

lidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), rakyat di negara ini membuang 15,000 tan metrik makanan sehari dan 3,000 tan metrik daripadanya adalah makanan yang masih elok.

"Tetapi bahan sisa buangan itu meningkat 15 hingga 20 peratus pada Ramadan. Jadi ubahlah sikap dan apabila ke Bazar Ramadan, fikirkanlah 10 kali sebelum membeli kerana kita adalah antara yang menyumbang kepada pembaziran," katanya selepas melancarkan Majlis Pelancaran Marhaban Ya Ramadan Peringkat Kebangsaan di sini, semalam.



Mujahid menyampaikan replika cek sebanyak RM8.65 juta kepada Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Mohd Ajib Ismail di Kuala Lumpur, semalam.

Headline	Ramadan Without Wastage campaign		
MediaTitle	China Press		
Date	30 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A10	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	340 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,707
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,121



■慕查希（左3）呼吁人们在斋戒期间减少浪费，左2起为莫哈末诺丁、拉惹峇林和阿兹占。

慕查希：垃圾丟棄量大增

辦齋戒不浪費運動

（吉隆坡29日讯）掌管宗教事务的首相署部长拿督斯里慕查希指出，斋戒期间的垃圾丢弃量增加15%至20%，再加上庞大的固体废料处理费，促使政府采取积极行动，举办“斋戒不浪费”运动。

他说，我国在2017年花费逾20亿令吉来处理固体废料，而大马农业研究院（MARDI）的报告指出，国人每天丢弃1万5000公吨的食物，其中3000公吨是尚可食用的食物。

“斋戒期间，垃圾丢弃增加15%至20%，所以人们应改变态度。在斋戒市集购买东

西前先考虑10遍，因为当中就造成了严重、甚至会破坏环境的浪费。”

慕查希今日推介全国斋戒活动时，这么说；出席者包括房屋与地方政府部副部长拿督拉惹峇林、大马伊斯兰发展局（JAKIM）总监拿督莫哈末诺丁和大马伊斯兰知识研究所（IKIM）总监拿督阿兹占。

他说，有关运动是由大马伊斯兰发展局、房政部和能源、工艺、科学、气候变化与环境部合作举办，并旨在提高人民不要浪费的意识，特别是在斋戒期间。

Headline	Ramadan Without Waste campaign kicks off		
MediaTitle	The Star		
Date	30 Apr 2019	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	175,986
Page No	16	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	119 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,856
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,568



Ramadan Without Waste campaign kicks off

KUALA LUMPUR: The high level of food waste and large allocation for solid waste management each year has made the government launch a "Ramadan Without Waste" campaign this year.

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Dr Mujahid Yusof said the amount of food waste in the country was a major concern to the extent that the government had to allocate over RM2bil just for solid waste management in 2017.

"According to the Malaysian Agricultural Research and Development Institute's report, Malaysians are dumping 15,000 tonnes of food per day, with 3,000 tonnes of it being good enough not to be discarded in the first place.

"Worse still, the amount of food waste tends to increase by 15% to 20% during Ramadan. I call on everyone to change their attitude and think 10 times before buying food at Ramadan bazaars this year so as not to contribute to an exces-

sive amount of food wastage which may also affect the environment," he told reporters after launching the campaign here yesterday.

Also present were Deputy Housing and Local Government Minister Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah, Menteri Besar Ahmad Baharuddin Shah, Malaysian Islamic Development Department (Jakim) director-general Datuk Mohamad Nordin Ibrahim and Institute of Islamic Understanding Malaysia director-general Prof Datuk Dr Azizan Baharuddin.

Jakim with the cooperation of, among others, the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry is leading the campaign.

At the event, the minister also presented RM8.6mil to 724 mosque and surau committees in the Federal Territories and letters of appointment to 960 tithe collectors who would operate from 74 tithe collection centres. — Bernama

Headline	I am happy to play the middle-person role		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	30 Apr 2019	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	4	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	80 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,782
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,345



(哥打峇鲁29日讯)丹州希盟主席拿督胡桑慕沙指出，丹州政府向联邦政府追讨石油税的努力上，他乐意当中间人。

他说，伊斯兰党丹州政府早就该使用他的“服务”。他也强调，他是其中一位在最早期向联邦政府追讨石油税的人，所以，他乐见其成。

“伊党早就应该找我的，但是，

胡桑：丹追討石油稅 “我樂當中間人”

他们不找我。所以，此事就一直拖延至今。可能是丹州政府拥有本身的专家吧，像我这样的人，他们就不稀罕了。”

也是格姆布农业发展局主席的胡桑

慕沙在哥市出席一项农业研究活动后，对记者发表谈话。

较早前，丹州务大臣拿督阿末耶谷指出，油税诉讼庭审原本是安排在本月17日，不过，由于国油和联邦政府没有任何代表出庭，所以唯有展期至5月17日。他希望两造代表，出席于5月17日在吉隆坡高庭进行的撤回石油税诉讼庭审，以让此事落幕。

Headline	Ramadan Without Waste campaign kicks off		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	30 Apr 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	8	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	342 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 953
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,860



Mujahid (centre) posing with, Raja Kamarul (second, right), Mohamad Nordin (second, left), Azizan Baharuddin (right) and chief executive of MATWP Datuk Abdul Aziz Jusoh (left) during the launching of the campaign yesterday. - Bernama photo

Ramadan Without Waste campaign kicks off

KUALA LUMPUR: The high level of food waste and large allocation for solid waste management each year has prompted the government to take a proactive step to launch a Ramadan Without Waste campaign this year.

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa said the amount of food waste in the country was worrying to the extent that it affected the country's finances as the government had to allocate more than RM2 billion for solid waste management in 2017.

"According to the Malaysian Agricultural Research and Development Institute's (MARDI) report, the people in this country are dumping 15,000 tonnes of food per day and 3,000 tonnes of them

are good or edible food which should not be discarded in the first place.

"Worse still, the amount of food waste tends to increase by 15 to 20 per cent during Ramadan.

"So, I call on everyone to change their attitude and to think 10 times before buying food at Ramadan Bazaar this year so as not to contribute to an excessive amount of food waste which may also affect the environment," he told reporters after launching the campaign and the national-level Marhaban Ya Ramadan programme here yesterday.

Also present were Housing and Local Government (KPKT) Deputy Minister Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah, Raja Ahmad Baharuddin Shah, Malaysian Islamic Development

Department (Jakim) director-general Datuk Mohamad Nordin Ibrahim and Institute of Islamic Understanding Malaysia (Ikim) director-general Prof Datuk Dr Azizan Baharuddin.

Mujahid said the Ramadan Without Waste campaign would be led by Jakim, with the cooperation from the (KPKT) and the Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change (Mestec).

At the event, the minister also presented aid totalling RM8.6 million to 724 mosques and suraus in the Federal Territories to hold their activities during Ramadan; and letters of appointment to 960 amils (tithe collectors) who would be operating from 74 tithe collection centres in the Federal Territories. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	KOSMO	ONLINE	

Kempen Ramadan tanpa pembaziran

29 April 2019 5:07 PM



Pembaziran di negara ini amat membimbangkan sehingga memberi kesan kepada kewangan negara. Gambar hiasan

KUALA LUMPUR - Kadar pembaziran yang tinggi dan peruntukan besar untuk pengurusan sisa pepejal setiap tahun mendorong kerajaan untuk mengambil langkah proaktif mengadakan kempen Ramadan Tanpa Pembaziran tahun ini.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mujaheed Yusof Rawa, pembaziran di negara ini amat membimbangkan sehingga memberi kesan kepada kewangan negara apabila terpaksa memperuntukkan lebih RM2 bilion untuk pengurusan sisa pepejal pada 2017.

"Menurut laporan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), rakyat di negara ini membuang 15,000 tan metrik makanan sehari dan 3,000 tan metrik daripadanya adalah makanan yang masih elok dan tidak sepatutnya dibuang.

"Tetapi, bahan sisa buangan itu meningkat 15 hingga 20 peratus pada Ramadan. Jadi ubahlah sikap dan apabila ke Bazar Ramadan, fikirkanlah 10 kali sebelum membeli kerana kita antara yang menyumbang kepada pembaziran yang melampaui batas sehingga boleh merosakkan alam sekitar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Majlis Pelancaran Marhaban Ya Ramadan Peringkat Kebangsaan di sini hari ini. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	MYMETRO	ONLINE	

FAMA sasar eksport buah RM1.8 bilion tahun ini



Basri (tiga kiri) bersama Ser Tian Sin (dua kiri) pada seminar di Kuala Lumpur hari ini. FOTO Salhani Ibrahim

Mohamad Hussin

mohamad_hussin@hmetro.com.my

LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mensasarkan nilai pengeksportan buah-buahan segar tempatan meningkat lima hingga 10 peratus iaitu RM1.8 bilion tahun ini berbanding RM1.3 bilion tahun lalu.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Usahawan) FAMA, Basri Jasmo berkata, pihaknya menjangkakan jumlah pengeksportan produk itu lebih tinggi tetapi bergantung kepada cuaca kerana faktor cuaca mempengaruhi pengeluaran buah-buahan.

Beliau berkata, dalam menyemarakkan program pembangunan eksport, pelbagai inisiatif dijalankan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bersama FAMA dalam memastikan industri pengeksportan akan meningkat.

"Selain pengenalan Dasar Agromakanan Negara (DAN 2011-2020), kerajaan kini sedang mengorak langkah untuk merangka DAN 2.0 bagi tempoh 2021-2030.

"Objektif penumpuannya adalah membangunkan komoditi makanan bernilai tinggi sebagai sumber kekayaan baru kepada negara dan menjamin sekuriti bekalan makanan negara.

"Justeru, pada tahun ini penetapan hala tuju oleh MOA diperkenalkan bagi meningkatkan hasil pertanian dan taraf hidup petani," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Seminar Prosedur dan Tatacara Pengeksportan Buah-Buahan serta Sayur-Sayuran Segar Ke Pasaran Luar Negara 2019 di Kuala Lumpur hari ini.

Hadir sama Pengarah Bahagian Eksport FAMA Ser Tian Sin.

Pada majlis itu, lebih 100 peserta menghadiri seminar itu membabitkan pengeksport buah-buahan dan sayur-sayuran, pengusaha serta pegawai FAMA.

Jasmo berkata, FAMA juga berhasrat mengeksport buah-buahan seperti betik, nangka, nanas, belimbing dan durian ke negara Eropah Timur dan Asia Tengah supaya dapat meningkatkan lagi jumlah nilai pengeksportan produk berkenaan.

"Seminar ini bertujuan meningkatkan eksport negara khususnya dalam produk segar. Ia juga bagi memberi kefahaman mendalam peserta mengenai persijilan yang membabitkan produk segar.

"Kita tidak mahu produk yang kita eksport akan menimbulkan masalah apabila tiba di negara terbabit sekali gus merugikan pengeksporth dan pengusaha.

"Justeru, mereka perlu mengikut peraturan yang ditetapkan seperti mempunyai permit eksport, sijil fitosanitasi, pensijilan MyGap dan pelabelan, pembungkusan serta penggredan," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 29 April 2019 @ 6:27 PM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	MALAYSIA KINI	ONLINE	



FAMA sasar peningkatan lima hingga 10 peratus nilai eksport buah

Bernama

Apr 29, 2019 (Dikemaskini Apr 29, 2019)

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan peningkatan nilai eksport buah-buahan segar tempatan antara lima hingga 10 peratus pada tahun ini.

Pengarah Bahagian Eksport FAMA Ser Tian Sin berkata nilai eksport itu dijangka mencecah RM1.5 bilion hingga RM1.8 bilion tahun ini berbanding lebih RM1.3 bilion pada 2018.

"Kita jangkakan peningkatan lebih tinggi, tetapi tertakluk kepada keadaan cuaca kerana faktor cuaca mempengaruhi pengeluaran buah-buahan...dan kita pun kena rasional daripada segi sasaran kita nak capai," katanya kepada pemberita selepas menghadiri seminar prosedur dan tatacara pengeksportan buah dan sayur segar ke pasaran luar negara hari ini.

Seminar bertujuan meningkatkan pengeksportan produk segar itu dihadiri lebih 100 peserta terdiri daripada pengeksport buah-buahan dan sayur-sayuran yang baharu dan sedia ada.

Beliau berkata antara faktor yang mampu meningkatkan jumlah nilai pengeksportan itu ialah pengeluaran durian yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran luar negara.

Katanya, FAMA juga berhasrat mengeksport buah-buahan seperti betik, nangka, nanas dan belimbing ke negara Eropah Timur dan Asia Tengah dalam usaha meningkatkan jumlah nilai pengeksportan produk segar.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	HMETRO	ONLINE	

Nelayan degil digempur [METROTV]



Shamsul Munir Safini

shamsulmunir@hmetro.com.my

PIHAK berkuasa menahan lima bot pukat tunda kelas C dan 13 nelayan warganegara Thailand dalam Op Gelora sekitar perairan Tanjung Piandang, Pulau Pinang, antara 4 hingga 4.30 petang kelmarin.

Sepanjang Op Gelora dijalankan Jabatan Perikanan Pulau Pinang dan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Satu itu pihak berkuasa merampas hasil tangkapan seberat dua tan.

Komander Polis Marin Wilayah Satu, Asisten Komisioner Rosman Ismail berkata, keseluruhan rampasan bot dan tangkapan dianggarkan bernilai RM2 juta.

Beliau berkata, semakan dijalankan mendapati 13 nelayan berkenaan bekerja dengan majikan yang beralamat di Perak.

"Aktiviti menangkap ikan dilakukan nelayan berkenaan dikesan ketika kami menjalankan rondaan. Mereka dikesan melakukan aktiviti itu di perairan kurang 12 batu nautika dari pantai.

"Perbuatan itu adalah menyalahi undang-undang mengikut Seksyen 8 Akta Perikanan 1985 seperti disyaratkan dalam lesen menangkap ikan," katanya pada sidang media, hari ini.

Rosman berkata, nelayan berusia 30 hingga 50-an itu ditahan dan bot mereka dibawa ke Pangkalan PPM Batu Uban, Georgetown, untuk tindakan selanjutnya.

Menurutnya, nelayan dan majikan dikesan mengutip hasil laut yang lumayan dengan menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap atau memukat ikan kurang 15 batu nautika dari pantai.

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 29 April 2019 @ 2:35 PM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	HMETRO	ONLINE	

Lima bot pukat tunda bernilai RM2 juta dirampas

SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI | 29 Apr 2019



Rosman (tengah) dan Muhamad Yusof (kiri) memeriksa tangkapan ikan dalam salah sebuah bot pukat tunda kelas C di Jeti Pasukan Polis Marin, Batu Uban, hari ini.

GEORGETOWN - Seramai lima tekong dan 20 awak-awak warga Thai ditahan bersama lima bot pukat tunda kelas C oleh pasukan Polis Marin dalam Operasi Gelora di Kuala Kerian, Perak, kelmarin.

Kesemua tekong dan awak-awak berusia 42 hingga 51 tahun itu ditahan selepas dilihat berlegar-legar dalam keadaan mencurigakan di perairan Perak antara jam 4 hingga 5.15 petang.

Komander Pasukan Polis Marin Wilayah (1), Asisten Komisioner Rosman Ismail berkata, krew bot berkenaan ditahan kerana disyaki menangkap ikan kurang dari 15 batu nautika.

"Sepatutnya bot pukat tunda kelas C dan C2 perlu menangkap ikan lebih dari 15 batu nautika kerana kemampuan bot berkenaan. Namun, mereka bersama kelima-lima bot ditahan di perairan Perak kerana didapati menangkap ikan tidak ikut syarat ditetapkan.

"Kesemua bot bernilai RM2 juta itu dirampas dalam operasi yang dibuat dengan kerjasama Jabatan Perikanan di perairan Pulau Pinang dan Perak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media yang turut dihadiri Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan Pulau Pinang, Muhamad Yusof Nor Jasman di Jeti Pasukan Polis Marin, Batu Uban di sini, hari ini.

Rosman berkata, hasil laut seberat 3,200 tan dan bernilai lebih RM20,000 dari kelima-lima bot milik penduduk tempatan berkenaan turut dirampas.

"Operasi ini dibuat selepas mendapat aduan nelayan yang mendakwa kawasan tangkapan mereka diceroboh oleh bot pukat kelas C. Tindakan bot ini menyebabkan zon untuk bot kelas A dan B akan terjejas kerana bot kelas C ini akan merosakkan habitat dan anak-anak ikan.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat lesen iaitu menangkap ikan kurang 15 batu nautika dari pantai terdekat. Bot dan hasil tangkapan dibawa ke Jeti Limbungan Batu Maung untuk tindakan lanjut," katanya

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	BERITA HARIAN	ONLINE	

Elaun diesel, sara hidup 46 nelayan ditamatkan

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
tuty@bh.com.my



SEREMBAN: Seramai 46 nelayan dari Port Dickson dan Telok Kemang tidak lagi menerima E-Diesel atau E-Petrol dan Elaun Sara Hidup Nelayan selepas proses pemutihan dijalankan pada Januari dan Februari lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian Dan Industri Asas Tani, Bakri Sawir, berkata 30 nelayan adalah dari Port Dickson manakala 16 dari Telok Kemang.

Daripada 95 nelayan yang dijalankan siasatan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), katanya, seramai 49 nelayan diluluskan untuk menerima semula elaun.

"Siasatan mendapati antara punca elaun dibatalkan kerana mereka tidak lagi ke laut dan tidak mengambil minyak selama tujuh bulan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Abdul Rahman Mohd Redza (BN-Linggi) ketika sesi pertanyaan lisan Persidangan Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan, di sini, hari ini.

Bakri berkata, LKIM akan mengadakan pemutihan sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi memantau sebarang penyelewengan dan ketirisan.

Katanya, empat Mesyuarat Jawatankuasa Pemutihan Minyak Bersubsidi dan Elaun Sara Hidup Nelayan diadakan iaitu pada Mei dan Oktober tahun lalu serta Januari dan Mac lalu.

Bakri berkata, nelayan yang tidak menerima elaun kerana masalah kesihatan atau uzur, akan dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Baitulmal untuk dipertimbangkan bantuan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN	ONLINE	

46 nelayan di Port Dickson digugurkan daripada terima elaun sara hidup



BAKRI SAWIR. - UTUSAN ONLINE

[Nazarudin Shahari](#)

29 April 2019 1:50 PM

SEREMBAN 29 April - Seramai 46 nelayan di Port Dickson dan Telok Kemang telah dibatalkan daripada senarai penerima sumbangan elaun bahan api dan sara hidup bagi Januari dan Februari lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Bakri Sawir berkata, jumlah itu adalah daripada 95 nelayan yang disiasat bagi pemutihan bahan api dan sara hidup untuk dua bulan tersebut.

Katanya, sebanyak 49 nelayan telah diluluskan semula untuk menerima kedua-dua manfaat tersebut selepas siasatan dijalankan.

"Sebanyak 37 nelayan dibatalkan daripada menerima manfaat itu kerana tidak pergi ke laut manakala empat orang telah meninggal dunia dan lima yang lain tidak mengambil kemudahan itu antara lima hingga tujuh bulan," katanya dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan di sini hari ini.

Bakri (Amanah-Klawang) berkata demikian ketika menjawab soalan daripada Datuk Abdul Rahman Mohd. Redza (BN-Linggi) mengenai bilangan nelayan yang telah digugurkan daripada senarai penerima sumbangan sara hidup nelayan.

Bakri berkata, kriteria pemutihan penerima elaun sara hidup nelayan dibuat dengan menyemak sistem e-Diesel/e-Petrol dan siasatan dilakukan terhadap nelayan tidak membuat pembelian minyak bersubsidi selama tiga bulan berturut-turut atau jumlah pengambilan liter yang mencurigakan.

"Semakan juga dilakukan ke atas sistem e-Pengisytiharan (pendaratan ikan) terhadap nelayan yang tidak membuat pengisytiharan atau kurang daripada tiga kali sebulan.

"Pemantauan juga dilakukan secara rambang di setiap pangkalan nelayan dan melakukan siasatan terhadap aduan mengenai nelayan," katanya. - UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	MYMETRO	ONLINE	

Elaun 46 nelayan ditamatkan



Gambar Hiasan

Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
am@hmetro.com.my

SERAMAI 46 nelayan dari Port Dickson dan Telok Kemang tidak lagi menerima E-Diesel atau E-Petrol dan Elaun Sara Hidup Nelayan selepas proses pemutihan dijalankan pada Januari serta Februari lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian Dan Industri Asas Tani, Bakri Sawir berkata, 30 nelayan adalah dari Port Dickson manakala 16 dari Telok Kemang.

Katanya, daripada 95 nelayan yang dijalankan siasatan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), seramai 49 nelayan diluluskan untuk menerima semula elaun.

“Siasatan mendapati antara punca elaun mereka dibatalkan kerana tidak lagi turun ke laut dan tidak mengambil minyak selama tujuh bulan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Abdul Rahman Mohd Redza (BN-Linggi) ketika sesi pertanyaan lisan Persidangan Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan di Seremban, hari ini.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klawang itu berkata, LKIM akan mengadakan pemutihan sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi memantau sebarang penyelewengan dan ketirisan.

Katanya, sejak tahun lalu empat Mesyuarat Jawatankuasa Pemutihan Minyak Bersubsidi dan Elaun Sara Hidup Nelayan dijalankan iaitu pada Mei dan Oktober 2018 serta Januari dan Mac 2019.

Menjawab soalan tambahan, Bakri berkata, nelayan yang tidak menerima lagi elaun kerana masalah kesihatan atau uzur, akan dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Baitulmal untuk dipertimbangkan bantuan.

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 29 April 2019 @ 11:15 PM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Bantuan sara hidup 46 nelayan N Sembilan dibatalkan

Bernama

Apr 29, 2019 (Dikemaskini Apr 29, 2019)

Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Seremban hari ini diberitahu bahawa seramai 95 nelayan telah disiasat bagi pemutihan E-Diesel, E-Petrol dan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) bagi tempoh Januari hingga Februari tahun lepas meliputi dua Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani Bakri Sawir berkata dua PNK berkenaan adalah PNK Port Dickson dan Telok Kemang.

"Daripada jumlah itu, 49 orang diluluskan semula untuk penerimaan bantuan manakala baki 46 dibatalkan," katanya menjawab soalan lisan daripada Datuk Abd Rahman Mohd Redza (BN-Linggi) di Seremban.

Abd Rahman dalam soalnya mahu tahu bilangan nelayan di Negeri Sembilan yang telah digugurkan daripada senarai penerima sumbangan sara hidup nelayan atau dipotong sumbangan.

Mengulas lanjut, Bakri (PH-Klawang) berkata daripada 46 yang dibatalkan daripada senarai penerima sumbangan, empat daripadanya telah meninggal dunia manakala empat lagi tidak mengambil bantuan minyak selama lima hingga tujuh bulan.

"Bakinya adalah disebabkan tidak lagi turun ke laut," katanya.

Bagi tahun lepas, Bakri berkata seramai 26 orang nelayan telah diturunkan kategori manakala 101 nelayan dilucutkan daripada senarai penerima sumbangan di dua PNK berkenaan.

Beliau berkata kriteria pemutihan ESHN dibuat dengan melakukan semakan ke atas sistem E-Petrol dan E-Diesel serta E-Pengisytiharan (pendaratan ikan) selain pemantauan di setiap pengkalan nelayan.

"LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) negeri telah diarahkan oleh LKIM ibu pejabat untuk mengadakan mesyuarat jawatankuasa pemutihan sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi memantau sebarang penyelewengan dan ketirisan yang berlaku," katanya.

Menjawab soalan tambahan Abd Rahman yang ingin tahu langkah kerajaan untuk membantu mereka yang dilucutkan daripada senarai penerima sumbangan memandangkan ada antara mereka yang meraih

pendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan, Bakri berkata ia telah dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Baitulmal untuk bantuan seterusnya.

- *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN	ONLINE	

46 nelayan di Port Dickson digugurkan daripada terima elaun sara hidup



BAKRI SAWIR. - UTUSAN ONLINE

[Nazarudin Shahari](#)

29 April 2019 1:50 PM

SEREMBAN 29 April - Seramai 46 nelayan di Port Dickson dan Telok Kemang telah dibatalkan daripada senarai penerima sumbangan elaun bahan api dan sara hidup bagi Januari dan Februari lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Bakri Sawir berkata, jumlah itu adalah daripada 95 nelayan yang disiasat bagi pemutihan bahan api dan sara hidup untuk dua bulan tersebut.

Katanya, sebanyak 49 nelayan telah diluluskan semula untuk menerima kedua-dua manfaat tersebut selepas siasatan dijalankan.

"Sebanyak 37 nelayan dibatalkan daripada menerima manfaat itu kerana tidak pergi ke laut manakala empat orang telah meninggal dunia dan lima yang lain tidak mengambil kemudahan itu antara lima hingga tujuh bulan," katanya dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan di sini hari ini.

Bakri (Amanah-Klawang) berkata demikian ketika menjawab soalan daripada Datuk Abdul Rahman Mohd. Redza (BN-Linggi) mengenai bilangan nelayan yang telah digugurkan daripada senarai penerima sumbangan sara hidup nelayan.

Bakri berkata, kriteria pemutihan penerima elaun sara hidup nelayan dibuat dengan menyemak sistem e-Diesel/e-Petrol dan siasatan dilakukan terhadap nelayan tidak membuat pembelian minyak bersubsidi selama tiga bulan berturut-turut atau jumlah pengambilan liter yang mencurigakan.

"Semakan juga dilakukan ke atas sistem e-Pengisytiharan (pendaratan ikan) terhadap nelayan yang tidak membuat pengisytiharan atau kurang daripada tiga kali sebulan.

"Pemantauan juga dilakukan secara rambang di setiap pangkalan nelayan dan melakukan siasatan terhadap aduan mengenai nelayan," katanya. - UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	BERITA HARIAN	PENDIDIKAN	5

Pembelajaran galak generasi muda ceburi sektor



Produk pertanian seperti koko, kelapa sawit, getah dan padi mempunyai permintaan tinggi dan menyumbang kepada KDNK negara.

Alimuddin Mohd Dom,
tokoh pendidikan

Kuala Lumpur: Sektor pertanian memerlukan penggunaan teknologi moden seperti digunakan di negara maju sehingga membolehkan mereka menjadi pengeksport produk makanan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Tokoh pendidikan, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, berkata pengajaran dan pembelajaran semula mata pelajaran Sains Pertanian penting untuk membolehkan generasi muda menceburi sektor pertanian, sekali gus mengurangkan pergantungan negara kepada pengimportan produk makanan.

Katanya, pertanian adalah bidang perniagaan dan penggunaan teknologi moden membolehkan negara maju menjadi pengeksport produk makanan yang menyum-

bang kepada **Ketahanan Dalam Negara Kasar (KDNK)**.

"Produk pertanian seperti koko, kelapa sawit, getah dan padi mempunyai permintaan tinggi dan menyumbang kepada KDNK negara."

"Jadikan pertanian sebagai kerjaya supaya pelajar kita tidak ketinggalan dalam era Revolusi Perindustrian 4.0 dan kecerdasan buatan (AI) jika kembali kepada bidang pertanian," katanya ketika dihubungi, semalam.

Fokus latihan amali

Sementara itu, Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Aminuddin Awang, berkata subjek itu perlu memperkukuh pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang menjurus kepada pertanian moden dan

memberi fokus kepada latihan amali.

Beliau berkata, sekolah yang dipilih sebagai perintis perlu berada dalam kawasan pertanian bagi memudahkan pelajar melaksanakan latihan amali.

"Sebelum diperkenalkan, Kementerian Pendidikan perlu melatih guru berkemahiran tinggi dalam bidang berkenaan bagi memastikan matlamat kerajaan memperkenalkan subjek itu mencapai sasarannya untuk menjadikan pertanian sebagai kerjaya pilihan.

"NUTP yakin subjek itu relevan dan tidak menjadikan pelajar kita ketinggalan dalam Revolusi Perindustrian 4.0 dan teknologi buatan (AI)," katanya kepada BH, semalam.

→ PENDIDIKAN

Subjek Sains Pertanian diperkenalkan semula di sekolah

● Cadangan dibincang pada mesyuarat Kabinet minggu lalu

Oleh Wan Faizal Ismail
dan Mohamed Farid Noh
bhnews@bh.com.my

Pontian

Subjek Sains Pertanian akan diperkenalkan semula di sekolah seperti pernah dilaksanakan pada era 1970-an dan 1980-an.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata cadangan itu dibincangkan pada mesyuarat Kabinet minggu lalu.

Katanya, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik bersetuju untuk memperkenalkan semula subjek tersebut ke sekolah rendah dan menengah secara lebih menyeluruh di seluruh negara.

"Pada era 1970-an dan 1980-an, Sains Pertanian pernah dijadikan subjek pilihan di sekolah dan Kementerian mahu memperkenalkannya semula."

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani



Salahuddin melawat kawasan projek tanaman cili fertigasi pada majlis pelancaran 'My Green Team' di SMK Dato' Penggawa Barat, Pontian, semalam.

dan Kementerian Pendidikan akan memperincikan perkara itu dalam masa terdekat.

Lahir usahawan tani berilmu

"Subjek Sains Pertanian amat penting bagi negara kita melahirkan usahawan tani yang berilmu dan mempunyai pengetahuan, sekali gus dapat meningkatkan pendapatan dalam bidang pertanian selain langkah jaminan bekalan makanan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan 'My Green Team' hasil kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dengan Kement-

rian Pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Penggawa Barat di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi LPP, Datuk Mazlan Alliman; Ketua Pengarah LPP, Azulita Salim dan Pengarah SMK Dato' Penggawa Barat, Mohd Shaphri Mohd Yusof.

Ditanya sama ada subjek Sains Pertanian akan dijadikan subjek utama atau pilihan, Salahuddin berkata, ia akan diputuskan kemudian.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pihaknya akan bermesyuarat bersama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada 3 Mei ini untuk mem-

bincangkan tanah FELDA yang akan diusahakan dengan tanaman durian Musang King.

"Datuk Seri Mohamed Azmin Ali ialah menteri bertanggungjawab terhadap FELDA dan saya bertanggungjawab bagi bidang pertanian."

"Industri ini berkembang dengan pesat dan kita nampak FELDA ada tanah ladang, maka kita akan kenal pasti tanah sesuai untuk perikanan itu, sekali gus meningkatkan pendapatan pene-roka," katanya.

Di Putrajaya, Maszlee berkata, pihaknya komited bersama Kementerian Pertanian dan Industri



Subjek itu sudah lama diperkenalkan dan hanya perlu penambahbaikan serta membantu hala tuju pelajar selepas menamatkan pengajian"

Maslee Malik,
Menteri Pendidikan

Asas Tani dalam menetapkan hala tuju Sains Pertanian sebagai subjek yang diajar secara menyeluruh di sekolah.

Selain sekolah menengah, katanya, subjek berkenaan sudah diajar di kolej vokasional dan politeknik bagi melahirkan usahawan tani.

"Subjek itu sudah lama diperkenalkan dan hanya perlu penambahbaikan serta membantu hala tuju pelajar selepas menamatkan pengajian," katanya pada sidang media pencapaian prestasi Kementerian-nya sempena setahun kerajaan Pakatan Harapan (PH), semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Sains Pertanian bakal diperkenalkan semula di sekolah - Salahuddin

Mata pelajaran Sains Pertanian akan diperkenalkan semula di sekolah dalam masa terdekat.

Ini berikutan Kementerian Pendidikan melalui Menteri Dr Maszlee Malik dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani secara dasarnya telah bersetuju akan usaha tersebut selepas dibincang dalam mesyuarat kabinet lepas.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Salahuddin Ayub berkata proses selanjutnya akan dibincangkan lagi oleh kedua-dua Ketua Setiausaha kementerian (KSU) masing-masing, secepat mungkin.

"Sekarang ini memang ada sekolah-sekolah yang masih mengekalkan aktiviti pertanian tetapi subjek (Sains Pertanian) saya tak pasti. Tapi dulu, ketika tahun 1970, 80an sains pertanian ini satu subjek pilihan untuk lulus peperiksaan.

"Ia sangat berkesan tetapi sekarang untuk menjadikannya sebagai pilihan ataupun sebaliknya, nanti kita fikirkan kemudian. Yang penting, pengetahuan mengenainya diajar kepada pelajar di peringkat awal, kalau boleh di peringkat sekolah rendah lagi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Program "MYGREENTEAM", projek kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang (LLP) dan Kementerian Pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat di Pontian hari ini.

Turut hadir Pengerusi LLP, Mazlan Aliman; Ketua Pengarah LLP Azulita Salim; dan wakil Pengarah Pendidikan Negeri Johor, Yusman Jamsir.

Mengulas isu petani yang kononnya sukar mendapatkan bekalan benih padi sah hingga terpaksa menggunakan benih padi tidak sah, Salahuddin berkata mana-mana syarikat yang diberikan kontrak membekal benih padi sah itu tetapi tidak mengikut piawaian ditetapkan kementeriannya, bakal berdepan dengan tindakan.

"Saya sudah arahkan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Datuk Salim Parlan untuk menubuhkan jawatankuasa bertindak bagi mengkaji prestasi syarikat terlibat, sama ada mereka beroperasi mengikut prosedur ditetapkan.

"Ini rentetan rungutan daripada pihak petani berhubung perkara ini yang saya sudah ambil maklum dan akan berusaha untuk mengatasinya agar tidak berulang lagi," katanya.

- *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	BERITA HARIAN	ONLINE	

Sains Pertanian wajar diajar semula di sekolah

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Cadangan memperkenalkan semula subjek Sains Pertanian di sekolah rendah dan menengah dalam waktu terdekat diyakini membantu menyemaikan minat generasi muda dalam bidang pertanian.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Aminuddin Awang, berkata subjek itu perlu menerapkan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang menjurus kepada pertanian moden dan memberi fokus kepada latihan amali.

Beliau berkata, sebagai perintis sekolah yang dipilih hendaklah berada di kawasan pertanian bagi memudahkan pelajar melaksanakan latihan amali.

"Sebelum diperkenalkan, Kementerian Pendidikan perlu melatih guru yang berkemahiran tinggi dalam bidang berkenaan bagi memastikan matlamat kerajaan memperkenalkan mata pelajaran itu mencapai sasarannya untuk menjadikan pertanian sebagai kerjaya pilihan.

"NUTP yakin subjek itu relevan dan tidak menjadikan pelajar kita ketinggalan dalam Revolusi Perindustrian 4.0 dan teknologi kecerdasan buatan (AI)," katanya kepada BH, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub bahawa kerajaan bercadang memperkenalkan semula subjek sains pertanian di semua sekolah.

Salahuddin dilaporkan berkata, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik sudah menyatakan persetujuan beliau berhubung cadangan itu.

Pengetahuan dalam bidang itu bukan saja boleh dijadikan kerjaya, tetapi turut meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), ini terbukti di negara maju.

Dalam pada itu, Tokoh pendidikan, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, berkata pengajaran dan pembelajaran semula mata pelajaran itu penting untuk membolehkan generasi muda menceburi sektor pertanian, sekali gus mengurangkan pergantungan negara kepada pengimportan produk makanan.

Katanya, pertanian juga adalah perniagaan dan di negara maju penggunaan teknologi moden membolehkan negara terbabit menjadi pengeksport produk makanan yang menyumbang kepada KDNK.

Beliau berkata, produk pertanian seperti koko, kelapa sawit, getah dan padi mempunyai permintaan tinggi dan menyumbang kepada KDNK negara.

"Jadikan pertanian suatu kerjaya dan pelajar kita tidak ketinggalan pada era Revolusi Perindustrian 4.0 dan AI jika kembali kepada bidang pertanian," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN	ONLINE	

Subjek Sains Pertanian diajar semula di sekolah



DATUK Salahuddin Ayub. - UTUSAN ONLINE

[Mohd. Khairul Mohd. Ali](#)

29 April 2019 1:55 PM

PONTIAN 29 April - Subjek Sains Pertanian berkemungkinan diajar semula di sekolah rendah dan menengah dalam waktu terdekat.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik sudah menyatakan persetujuan beliau.

"Saya sudah berbincang dengan Dr. Maszlee supaya dikembalikan subjek Sains Pertanian di sekolah, dan secara asasnya dia bersetuju.

"Pengetahuan dalam bidang ini bukan sahaja boleh dijadikan karier, tetapi turut meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), ini terbukti membabitkan negara-negara maju," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar yang diadakan selepas menghadiri Majlis Pelancaran My Green Team di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat, di sini sebentar tadi. - UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	KOSMO	ONLINE	

Sains Pertanian bakal diperkenalkan semula di sekolah
 29 April 2019 3:08 PM



Salahuddin

PONTIAN - Mata pelajaran Sains Pertanian akan diperkenalkan semula di sekolah dalam masa terdekat.

Ini berikutan Kementerian Pendidikan melalui Menteriya Dr Maszlee Malik dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani secara dasarnya telah bersetuju akan usaha tersebut selepas dibincang dalam mesyuarat kabinet lepas.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, proses selanjutnya akan dibincangkan lagi oleh kedua-dua Ketua Setiausaha kementerian (KSU) masing-masing, secepat mungkin.

"Sekarang ini memang ada sekolah-sekolah yang masih mengekalkan aktiviti pertanian tetapi subjek (Sains Pertanian) saya tak pasti. Tapi dulu, ketika tahun 1970, 80an sains pertanian ini satu subjek pilihan untuk lulus peperiksaan.

"Ia sangat berkesan tetapi sekarang untuk menjadikannya sebagai pilihan ataupun sebaliknya, nanti kita fikirkan kemudian. Yang penting, pengetahuan mengenainya diajar kepada pelajar di peringkat awal, kalau boleh di peringkat sekolah rendah lagi," katanya.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

Subjek Sains pertanian akan dikembalikan semula

NOR AZURA MD AMIN | 29 Apr 2019



Salahuddin (tengah) menyerahkan peruntukan RM10,000 kepada Mohd Shaphri sewaktu pelancaran 'My Green Team' di SMK Dato Penggawa Barat di sini hari ini.

PONTIAN - Subjek sains pertanian akan dikembalikan semula di sekolah-sekolah bagi menarik minat golongan muda terlibat dalam bidang pertanian.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata Kementerian Pendidikan melalui menterinya, Dr Maszlee Malik turut bersetuju agar subjek tersebut dikembalikan di sekolah.

"Saya sudah berbincang dengan Dr Maszlee supaya dikembalikan subjek sains pertanian ini.

"Perkara ini juga sudah dibincangkan dalam kabinet dan dibawa ke pengetahuan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

"KSU Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan membincangkan lebih lanjut tentang perkara ini yang telah dipersetujui secara dasar," katanya.

Beliau ditemui pada sidang media Majlis Pelancaran "My Green Team" kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang dengan Kementerian Pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Penggawa Barat, di sini hari ini.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Mazlan Aliman dan Pengetua, Mohd Shaphri Mohd Yusof.

Salahuddin berkata, bidang pertanian tidak boleh lagi dianggap mundur ke belakang kerana komitmen ditunjukkan negara maju jelas memperlihatkan pertanian mampu meningkatkan pendapatan petani.

"Rakyat mesti memiliki pengetahuan secukupnya sebagaimana petani di negara maju.

"Bidang pertanian boleh menyumbang kepada pendapatan negara menerusi pengeluaran makanan," katanya.

Justeru beliau berharap agar subjek sains pertanian segera dikembalikan di sekolah-sekolah bermula di peringkat sekolah rendah.

Mengenai program 'My Green Team' katanya, sebanyak 52 sekolah dari seluruh negara terpilih menerima peruntukkan secara "one-off" berjumlah RM5,000 sehingga RM10,000 bagi menambahbaik atau memperbesarkan projek berkenaan di sekolah.

Salahuddin berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui agensinya seperti Mardi, Fama, LPP dan sebagainya bersedia membantu sekolah terlibat meningkatkan projek "My Green Team".

Pada majlis itu, peruntukkan sebanyak RM10,000 diserahkan kepada SMK Dato Penggawa Barat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	BERITA HARIAN	ONLINE	



MASZLEE pada sidang media sempena setahun Pakatan Harapan memerintah di Putrajaya. - Foto Mohd Fadli Hamzah

Dua kementerian bincang hala tuju subjek Sains Pertanian

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Pendidikan akan berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi menambah baik dan menetapkan hala tuju Sains Pertanian sebagai subjek yang diajar secara menyeluruh di sekolah.

Menterinya, Dr Maszlee Malik, berkata ini kerana selain sekolah menengah, subjek berkenaan sudah diajar di Kolej Vokasional dan Politeknik bagi melahirkan usahawan tani, sekali gus meningkatkan pendapatan negara dalam bidang pertanian.

"Subjek itu sudah lama diperkenalkan dan hanya perlu ada penambahbaikan serta membantu hala tuju pelajar yang mengambil subjek berkenaan selepas menamatkan pengajian," katanya pada sidang media pencapaian prestasi kementeriannya sempena setahun kerajaan Pakatan Harapan (PH), hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub yang mencadangkan kerajaan memperkenalkan semula subjek Sains Pertanian di sekolah rendah dan menengah.

Salahuddin dilaporkan berkata, cadangan itu sudah dibincangkan pada mesyuarat Kabinet minggu lalu dan secara dasarnya Dr Maszlee bersetuju untuk memperkenalkan semula subjek berkenaan ke sekolah rendah dan menengah secara lebih menyeluruh.

Beliau berkata, kementeriannya dan Kementerian Pendidikan akan memperincikan perkara itu dalam masa terdekat sebagai persediaan memperkenalkan semula subjek berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN MALAYSIA	UTUSAN BIZ	1

Tingkat pendapatan melalui tanaman kontan

FGV TANAM DURIAN

» FGV Holdings teroka projek pembangunan ladang durian.

» Mahu memanfaatkan kawasan belum dibangunkan, yang tidak sesuai untuk kelapa sawit.

» Kenal pasti 1,398 hektar tanah berpotensi.

» Eksport durian ke China bernilai lebih RM4 bilion pada 2017.

“Durian merupakan tanaman kontan paling menguntungkan dari perspektif nilai sehektar. FGV mahu memanfaatkan permintaan dari China ke atas raja buah itu.”

DATUK HARIS FADZILAH HASSAN
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan FGV

BERITA DI MUKA 35





MENGAPA FGV TANAM DURIAN?

- Durian merupakan buah paling banyak ditanam dan dituai di Malaysia
- Pada 2017, masing-masing sebanyak 72,391 hektar dan 35,179 hektar tanah telah ditanam dan dituai
- Jumlah pengeluaran pada 2017 ialah 210,874 tan metrik dengan nilai RM2.79 bilion
- Harga durian meningkat dengan stabil seiring dengan pertumbuhan permintaannya
- Purata harga runcit durian adalah kurang daripada RM9 sekilo pada 2013 tetapi meningkat kepada purata RM24.80 sekilo pada 2017, naik 100%
- Menurut data Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, eksport durian meningkat secara purata sebanyak 35% setahun dan bernilai lebih AS\$1.1 bilion (RM4.55 bilion) pada 2017, jauh lebih tinggi berbanding hanya AS\$243 juta (RM1 bilion) sedekad lalu

(SUMBER FGV)

FGV: Dari sawit ke durian

Oleh NUR HANANI AZMAN
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 29 APRIL

FGV Holdings Bhd. (FGV) yang begitu sinonim sebagai syarikat perladangan terkemuka negara, kini bakal meneroka satu lagi segmen perniagaan baharu, dalam usaha mempelbagaikan sumber pendapatan kumpulannya.

Siapa sangka, daripada tanaman sawit, FGV akan dikenali pula sebagai pengeksport durian, antaranya *musang king*, yang menjadi kegemaran rakyat Malaysia.

Untuk itu, FGV telah mengenal pasti kira-kira 1,398 hektar tanah yang bersesuaian untuk penanaman durian secara komersial dalam skala yang besar.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata, FGV menandatangani perjanjian induk (HoA) dengan PLS Plantation Bhd. (PLS) bagi pembangunan perladangan tanaman jangka pendek terutama durian.

Katanya, kerjasama itu sebahagian daripada perancangan strategik kumpulan untuk menambah nilai tanah-tanah tidak produktif disebabkan



PERTUKARAN HoA secara rasmi di antara Ketua Pegawai Pelaburan FGV, Fakhruddin Othman (kanan) dan Pengarah Urusan PLS, Tan Sri Lim Kang Yew selepas pelancaran Festival Durian Malaysia 2019 di Beijing, China.

tidak sesuai untuk penanaman sawit dan menerokai pendapatan tambahan dengan meningkatkan peratusan tanaman jangka pendek.

"Sektor logistik dan perniagaan sokongan FGV turut mendapat manfaat daripada kerjasama ini yang mana sektor ini mampu menawarkan rangkaian logistik untuk membentuk hub serantau menerusi kerjasama strategik ini.

"Bagaimanapun, bagi menentukan kawasan yang benar-

benar sesuai untuk penanaman durian, penyelidikan lanjut perlu dilaksanakan terutama melibatkan kesesuaian tanah, permukaan dan kesediaan sumber air untuk pengaliran," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

HoA itu ditandatangani sempena Forum Jalur dan Laluan di Beijing, China. Dalam pada itu, tanaman jangka pendek lain yang berpotensi adalah getah, kayu Meranti, Teak dan *Eucalyptus*.

Haris berkata, menerusi HoA itu, FGV berharap untuk menerokai peluang membentuk kerjasama di antara kedua-dua pihak selari dengan cadangan PLS untuk melaksanakan Program Perladangan Durian Kebangsaan.

"Pada Ogos 2018, Kementerian Pertanian dan Asas Tani telah menandatangani protokol eksport dengan Pentadbiran Am Kastam China untuk durian segar dan sejuk beku. "Ini merupakan potensi be-

"FGV menandatangani perjanjian induk (HoA) dengan PLS Plantation Bhd. (PLS) bagi pembangunan perladangan tanaman jangka pendek terutama durian."

HARIS FADZILAH
HASSAN

sar kepada industri durian Malaysia memandangkan China ketika ini merupakan pembeli durian terbesar dunia," katanya.

PLS menerusi anak syarikatnya, Dulai Fruits telah berjaya menerokai pasaran di 10 buah negara dengan China adalah penyumbang terbesar. Dulai Fruits mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam perladangan dan eksport durian.

FGV juga boleh memanfaatkan kelebihan dan rangkaian pasaran PLS untuk mengukuhkan jenama dan produknya di China.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN	ONLINE	

Port Dickson bakal jadi lokasi aktiviti selam skuba



Nawar Abdul Karim (kiri) ditemubual dalam rancangan Mornink Blues di Utusan Online hari ini.

[Khairulnazar Yahaya](#)

30 April 2019 10:45 AM

KUALA LUMPUR 30 April - Tidak ramai yang tahu perairan di sekitar pantai Port Dickson kini bersih apabila lebih 20 jenis karang hidup subur selepas aktiviti pemuliharaan secara intensif dibuat oleh pelbagai pihak termasuk Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) sejak tahun 2013.

Menurut Ketua Pusat Ikan Hiasan Port Dickson JPNS, Nawar Abdul Karim, perairan Port Dickson akan menjadi tumpuan peminat aktiviti selam skuba dan snorkeling apabila muka dibuka kepada orang awam bermula Julai nanti.

"Pertumbuhan karang menunjukkan perairan Port Dickson kini lebih bersih. Seperti yang kita tahu karang tidak boleh hidup dan tumbuh dalam kawasan yang tercemar. Tumbuhan ini begitu sensitif dengan tahap kualiti air.

"Kini kawasan sekitar perairan Port Diksons mempunyai lebih 20 jenis karang dan ia sekaligus menarik kehadiran ikan dan hidupan laut lain," kata Nawar dalam rancangan Mornink Blues yang disiarkan secara langsung di Facebook Utusan Online hari ini.

Menurut Nawar, aktiviti snorkeling dan selam skuba yang dianjurkan secara bersama dengan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) pada bulan Julai itu akan turut dihadiri Ahli Parlimen Port Dickson Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, karang yang tumbuh di sekitar perairan Port Dickson ada antaranya hasil konservasi yang dilakukan di Pusat Ikan Hiasan Port Dickson yang terletak di atas tanah berkeluasan 0.85 hentar di Batu 7, Teluk Kemang.

Nawar berkata, pusat yang dibuka kepada orang ramai kini membiak lebih 20 jenis batu karang dan 40 jenis ikan hiasan dan termasuk menggunakan kaedah teknologi baharu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	MYMETRO	ONLINE	

Tembikai laris Ramadan ini



BERNAMA

LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjangka permintaan tembikai di Terengganu dan Kelantan yang meningkat Ramadan ini dapat dipenuhi memandangkan ia bertepatan dengan tempoh penuaian buah itu.

Timbalan Pengarah FAMA Terengganu, Mohd Azrul Abd Aziz berkata, sehingga hari ini pihaknya membeli 702 metrik tan tembikai dan labu manis bernilai RM631,000.

Beliau berkata, pembelian itu dibuat menerusi 115 Perjanjian Jual Beli Ladang Kontrak Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MOA) bersama komuniti yang menanam buah-buahan berkenaan yang membabitkan tanah seluas 1,000 hektar di seluruh negeri.

"Cuaca baik dan bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Terengganu kita lihat pengeluaran hasil tembikai kali ini memberangsangkan berbanding sebelumnya," katanya ditemui selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli Ladang Kontrak MOA bersama 96 peserta di Gong Tengah, Beris Tokku, Bandar Permaisuri hari ini.

Beliau berkata, Terengganu mempunyai tiga daerah utama yang menjadi pusat pengeluaran hasil tembikai iaitu Setiu, Besut serta Marang.

Menurutnya, harga tembikai yang dibeli oleh FAMA adalah mengikut harga lantai tembikai di paras 80 sen sekilogram bagi memastikan kestabilan harga serta mengelak manipulasi orang tengah.

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 29 April 2019 @ 3:39 PM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	UTUSAN	ONLINE	

TEKUN Nasional sedia ruang pasaran eksklusif untuk usahawan pada Ramadan

29 April 2019 7:18 PM

KUALA LUMPUR 29 April - Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional menganjurkan program 'Ramadan Tiba Bersama TEKUN' sebagai antara inisiatif bagi menyediakan ruang pasaran yang eksklusif kepada usahawan bermula Sabtu lepas hingga 30 April ini.

Program yang diadakan di ruang legar lobi Medan Mara ini juga menekankan aspek jaringan pengukuhan usahawan terutama dalam mempertingkatkan produktiviti dalam mempromosi produk bagi meningkatkan jualan khususnya produk Bumiputera, menurut kenyataannya hari ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional, Datuk Adam Abd. Ghani berkata, pihaknya mahu usahawan TEKUN bukan hanya berjaya di peringkat tempatan malah berjaya hingga ke peringkat global.

Beliau berharap lebih ramai usahawan Tekun merebut peluang untuk menyertai pelbagai program atau ekspo termasuk di luar negara bagi mengutip pengalaman dan seterusnya menjadi inspirasi untuk mereka memasarkan produk ke peringkat global.

Program empat hari yang bermula dari pukul 7.00 pagi hingga 7.00 petang terdiri daripada empat kluster iaitu hasil pertukangan, makanan dan minuman, fesyen, kecantikan dan spa.

Sejak diwujudkan pada tahun 1998 sehingga Mac 2019, Tekun Nasional telah memberi pembiayaan perniagaan kepada 425,264 usahawan, yang bernilai RM5.39 billion di seluruh negara. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

Tanam Musang King di Felda

NOR AZURA MD AMIN | 29 Apr 2019



Salahuddin menunjukkan terung hasil tanaman pelajar menerusi program "My Green Team" di SMK Dato Penggawa Barat, di sini hari ini

PONTIAN - Penanaman durian Musing King di kawasan Felda antara yang dicadangkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berikutan perkembangan industri agro makanan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, kajian akan dibuat terlebih dahulu bagi menentukan tanah-tanah di kawasan Felda yang sesuai bagi penanaman durian Musing King.

"Kementerian saya bersama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi di bawah Datuk Seri Mohamed Azmin Ali akan mengadakan mesyuarat pada 3 Mei ini. Cadangan penanaman durian Musing King antara yang dibincangkan," katanya.

Beliau ditemui pada sidang media Majlis Pelancaran "My Green Team" kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang dengan Kementerian Pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Penggawa Barat, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Salahuddin menyangkal dakwaan harga benih padi sah mahal menyebabkan penjualan benih padi tidak sah atau berpenyakit yang lebih dikenali sebagai "benih hantu" meningkat di pasaran.

Katanya, terdapat sembilan syarikat yang diberikan lesen bagi membekalkan benih padi sah kepada pesawah di negara ini.

"Jika bekalan tidak cukup, pengeluaran benih padi akan ditambah pihak syarikat yang diberikan kontrak ini.

"Namun apa lebih penting golongan pesawah sepatutnya tidak membeli benih padi tidak sah kerana ia akan membawa pelbagai masalah seperti bawaan penyakit tanaman padi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2019	SINAR HARIAN	TEMERLOH	24

Harga buah tin RM80 sekilogram

KAF laksana projek perintis tanam buah tin di Lembah Jaya, Mempaga

ROSILAWATI ROSEDI

BERA

Kami Anak Felda (KAF) memilih untuk menanam buah Tin sebagai sumber ekonomi kedua Felda berikutan potensi dan permintaan tinggi.

Sebelum ini pelbagai cadangan dikesukakan termasuk penanaman buluh dalam mencari sumber ekonomi baharu bagi.

Pengerusi Biro Ekonomi KAF, Datuk Amizar Abu Adam berkata, projek penanaman buah

tin yang akan dimulakan di Felda Mempaga itu dimasukkan dalam cadangan pembangunan ekonomi Felda.

"Buah tin ini adalah produk baharu dan kita dah bertemu dengan pengusaha di Janda Baik insya-ALLAH kami akan menjalankan projek ini bermula di Mempaga terlebih dahulu.

"Kita akan panjangkan kepada Kementerian dan saya dipanggil juga membentangkan kertas kerja ini. Kita mengharapkan Felda juga menerima kertas cadangan ini sebagai salah satu cadangan pembangunan ekonomi sama ada untuk generasi peneroka atau generasi baharu peneroka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Santai Bersama Masyarakat Felda Purun di Pejabat Felda Purun, di sini.



Amizar (kanan) memulau juadah yang disediakan oleh peserta pertandingan memasak sempena Majlis Santai Bersama Masyarakat Felda Purun di pejabat Felda Purun.

Menurutnya, buah tin memiliki khasiat tersendiri khususnya dari aspek kesihatan selain antara buah yang terbaik dalam Islam dan mendapat permintaan tinggi dari dalam dan luar negara.

Katanya, buah itu dapat mem-

berikan pulangan modal yang cepat dan menjana pendapatan berterusan berikutan harga mencecah kira-kira RM80 sekilogram.

Amizar yang juga Pengerusi KAF Wilayah Mempaga berkata, projek penanaman perintis akan

Info

Harga buah tin mencecah RM80 sekilogram

dibuat di kawasan seluas dua hektar di Lembah Jaya, Mempaga dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata, projek terbabit akan dikendalikan oleh koperasi di bawah KAF yang akan memastikan penajaan pendapatan kepada generasi baharu Felda.

Dalam pada itu katanya, bagi menyemarakkan lagi kegiatan ekonomi melibatkan generasi baharu Felda, KAF menyasarkan 30 lagi usahawan trak makanan atau *food truck* tahun ini.

"Pada masa ini terdapat 32 *food truck* yang dikendalikan oleh anak-anak Felda di seluruh negara dan kita harap generasi baharu merebut peluang dengan membuat permohonan dan mendapatkan peluang pembiayaan daripada Aorn Bank," katanya.